

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"ORANG Islam mestilah lurus dalam pegangannya, untuk mendapatkan niat jah terbaik dalam kehidupan."

- Titah Sempena Sambutan Tahun Baharu Hijrah 1430 pada 1 Muharram 1430 / 28 Disember 2008



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK
5.01

SUBUH
5.11

SYURUK
6.33

DUHA
6.57

ZUHUR
12.30

ASAR
3.52

MAGHRIB
6.25

ISYAK
7.39

TAHUN 65 / BILANGAN 7

15 JANUARI 2020 / 1441 جمادى الاول 19

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI RABU / PERCUMA

Rasuan merugikan negara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Kementerian Pembangunan adalah digesa untuk tidak melakukan kerja-kerja yang merugikan kerajaan dan rakyat khususnya dalam projek-projek pembangunan. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan adalah digesa untuk tidak salah pilih sebarang kontraktor dan pemborong malah pastikan yang dipilih itu mempunyai rekod yang baik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara itu dalam titah semasa berkenan berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pembangunan dan beberapa buah jabatan di bawahnya.

Baginda seterusnya bertitah, Kementerian Pembangunan adalah dipertanggungjawabkan bagi kerja-kerja penyediaan infrastruktur awam yang meliputi penyediaan perumahan prasarana jalan raya, bekalan air, saliran dan pembetungan, persekitaran yang bersih, penggunaan tanah dan pemudah cara bagi pertumbuhan industri pembinaan.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pembangunan.
- Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3 hingga 5).

Rasmikan Forum Pelancongan ASEAN 2020

Oleh : Haniza Abdul Latif

JERUDONG, Selasa, 14 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2020, di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei, di sini.

Ke muka 6

Bantuan dihulur, kesejahteraan diutama

Oleh :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Selasa, 14 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama, berlangsung di Bilik Mesyuarat, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM), di sini.

Ke muka 7

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"(IAITU) mereka yang lebih menyukai kehidupan di dunia daripada kehidupan akhirat dan menghalangi (manusia) daripada jalan Allah serta mereka hendak memesongkannya, mereka itu dalam kesesatan yang jauh (daripada kebenaran)".
(Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Ibrahim, ayat 3).

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



ATF TRAVEX platform promosi pelancongan ASEAN
Muka 8



JMK berjaya serah fatwa secara konsisten
Muka 11



PELUANG kolaborasi agrimakanan
Muka 13



Meriam

Muka 21

Kekalkan perlindungan sosial khusus wanita berumur, warga tua

Bismillahir Rahamanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

PERTAMA sekali, bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, izinkan saya mengalru-alukan kehadiran dan mengucapkan Selamat Datang kepada rakan-rakan dari ASEAN dan Rantau Asia ke Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Forum Serantau Pengukuhan Dasar Perlindungan Sosial memfokuskan kepada Wanita Berumur dan Warga Tua.

Negara Brunei Darussalam amat berbesar hati diberi penghormatan menjadi tuan rumah kepada forum penting yang penting ini sebagai sampingan kepada Mesyuarat Ke-19 Suruhanjaya ASEAN bagi Pengukuhan Dasar Perlindungan Hak Wanita dan Kanak-kanak (ACWC), dan juga Mesyuarat Ke-18 Komiti ASEAN mengenai Wanita dan Mesyuarat Berkaitan. Sesungguhnya, berlangsungnya acara baru-baru ini bagi memperingati Hari Warga Tua Antarabangsa bertemakan 'Perjalanan Menuju Kesaksamaan Umur' (The Journey to Age Equality) pada 1 Oktober 2019, penganjuran forum ini memang tepat pada masanya oleh kerana penduduk berumur semakin meningkat sebagai salah satu perubahan sosial di abad ini, dengan implikasi signifikan bagi hampir keseluruhan aspek masyarakat, terutamanya dalam kalangan wanita.

Secara global, kumpulan penduduk yang berumur 65 tahun atas telah meningkat dengan cepatnya berbanding kumpulan umur yang lain di mana buat pertama kalinya di dalam sejarah pada tahun lepas dalam sejarah, kumpulan umur ini telah mengalahkan jumlah kanak-kanak yang berumur lima tahun ke bawah. Menurut Prospek Penduduk Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu 2019, satu dalam 11 orang berusia 65 tahun atau lebih, dan nisbah ini dijangka akan meningkat kepada satu dalam lima menjelang 2050.

Dalam ASEAN, kita juga berhadapan dengan peningkatan penduduk berumur. Dalam masa 20 tahun, dianggarkan semua negara ASEAN akan menjadi negara-negara masyarakat berumur, di mana lebih daripada 7 peratus dari penduduknya akan berusia 65 tahun atau lebih, dan menjelang tahun 2050, kadar penduduk berumur 65 tahun ke atas di ASEAN dijangka akan meningkat tiga kali ganda. Pada masa yang sama, Institut Dunia bagi Kajian Asia



MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, YANG BERHORMAT MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN BIN PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN SEMASA BERUCAP PADA FORUM SERANTAU PENGUKUHAN DASAR PERLINDUNGAN SOSIAL YANG MEMBERI TUMPUMAN KEPADA WANITA BERUMUR DAN WARGA TUA PADA KHAMIS, 10 OKTOBER 2019, BERTEMPAT DI DEWAN SONGKET 1, TINGKAT 4, HOTEL ANTARABANGSA RIZQUN.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Mirazman bin Haji Othman

menunjukkan majoriti penduduk berusia 60 tahun atau lebih di Asia Pasifik adalah terdiri daripada kaum wanita disebabkan jangka hayat yang lebih panjang. Walau bagaimanapun, kajian lanjut menunjukkan bahawa ramai wanita berumur tidak dapat menikmati kebahagiaan hidup ketika sudah berumur kerana tidak memiliki aset yang mencukupi bagi menampung kehidupan di usia lanjut.

Oleh yang demikian dengan mengambil kira realiti ini, adalah sangat penting untuk dasar serantau mengenai perlindungan sosial agar lebih komprehensif merangkumi kesihatan, pemelulian pencegahan dan dasar kebijakan serta insurans sosial yang kukuh untuk dimanfaatkan oleh warga tua terutama sekali wanita warga tua. Di sinilah Forum Serantau berperanan sebagai platform bagi Negara-Negara

Ahli ASEAN untuk bekerjasama, bertukar-tukar fikiran dan amalan terbaik ke arah mengukuhkan kerjasama serantau mengenai dasar perlindungan sosial terutama dalam menangani aliran usia tua yang kian meningkat.

Sesungguhnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengutamakan isu-isu sosial nasional, dalam hal ini, penduduk warga tua melalui pendekatan menyeluruh negara. Ini dinyatakan di dalam Wawasan 2035 yang merangkumi strategi keselamatan sosial yang memastikan semua rakyat mendapat pemelulian selayaknya dan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Warga Tua dengan tujuan untuk mewujudkan penduduk warga tua yang aktif dan berdikari, dengan institusi keluarga sebagai memainkan peranan utama. Di Negara Brunei Darussalam, institusi keluarga mewarnai struktur sosial dan oleh itu, kita percaya adalah sangat penting bagi institusi ini dikukuhkan dan dikekalkan sebagai sebahagian daripada dasar perlindungan sosial.

Justeru, bagi mengatasi cabaran-cabaran yang sentiasa berubah-ubah terhadap penduduk warga tua yang kian meningkat serta kecenderungan untuk mengaitkan golongan warga tua termasuklah kaum wanita sebagai 'beban', adalah amat penting untuk menekankan peranan keluarga sambil kita mempelajari penyelesaian terbaru bagi menyediakan wadah berkesan bagi penduduk yang sudah berumur menjalani kehidupan yang aktif, sihat dan menyumbang kepada masyarakat.

Ke arah ini, kita sukacita mengetahui terdapat inisiatif-inisiatif serantau seperti Jepun mempunyai sistem Insurans Pemedulian Jangka Panjang (Japan's Long Term-Care Insurance System) yang disesuaikan dengan keperluan individu berumur 65 tahun ke atas, dan juga i-Suri Insentif Khas Kerajaan Malaysia bagi suri rumah rumah promosi kesihatan dalam keselamatan sosial di Thailand, dan perkhidmatan perancangan persaraan melalui litrasi kewangan di Negara Brunei Darussalam menyediakan pendidikan berharga yang boleh diterokai terutamanya dalam konteks pemelulian terhadap wanita berumur dan penduduk warga tua.

Ke muka 8

Dari Sidang Pengarang.

15 JANUARI 2020 BERSAMAAN 1441 19 جمادى الاول

RASUAH JAMBATAN KE NERAKA

SEMASA berkenan berangkat melakukan Lawatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pembangunan dan beberapa buah jabatan di bawahnya baru-baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan rasa kesal ekoran banyaknya projek-projek yang dikendalikan oleh pihak-pihak yang berkenaan terbengkalai, rosak dan sebagainya yang sudah setentuannya merugikan negara.

Sebagai contoh, sebagaimana titah baginda dalam lawatan tersebut ialah **Pertama** : Projek pangsapuri nombor H40, Kawasan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan. Bangunan ini mempunyai 300 buah apartmen yang kelihatan sudah siap serta mempunyai banyak kemudahan seperti kawasan letak kereta bertingkat, kawasan riadah dan kawasan permainan tetapi masih sahaja kosong sejak dua tahun lalu. **Kedua** : Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Jalan 99, terdapat bangunan rumah teres, projek ini tergenda dengan kawasannya telah dipenuhi dengan samak-samak. **Ketiga** : Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau, di sini terdapat seribu (1,000) buah rumah bagi rancangan ini, namun rancangan itu juga dilihat seperti tergenda dengan rumah-rumah mengalami kerosakan. Sementara **keempat** : Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang, Jalan Binglu, terdapat rumah-rumah kosong, tidak berpenghuni kerana didapati tidak selamat untuk didiami.

Mendangkan kepada perkara di atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan agar perkara-perkara berkenaan memerlukan perhatian yang serius dan tidak boleh diambil ringan begitu sahaja malah ia perlu dicari atau dinenai pasti punca-puncanya mengapaakah rancangan tersebut tergenda.

Melihat kepada keterlibatan dengan pelbagai projek tersebut, baginda percaya berkemungkinan wujud kesempatan untuk berlakunya jenayah atau salah laku di dalam negara ini khususnya yang berunsur rasuah yang boleh melemahkan pentadbiran dan meruntuhkan negara. Selaku bangsa yang beragama, kita mestilah bawaan rasuah adalah jambatan ke neraka, titah baginda.

Memang tidak syak lagi bawaan rasuah adalah merbahaya kepada sesebuah negara. Disebabkan rasuah, jentera kerajaan boleh tergutat. Kerana itu, kesan-kesan daripada perbuatan rasuah patut diketahui oleh semua orang kerana kegiatan rasuah akan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi. Kesan yang paling besar daripada gejala rasuah ini ialah akan menyebabkan pentadbiran sebuah negara menjadi kucar-kacir. Akibatnya ia menimbulkan masalah lain seperti kemerosotan ekonomi, pengabaian kepentingan rakyat dan masyarakat dan sebagainya.

Telah banyak terpapar dipelbagai media, sama ada media elektronik atau di dada-dada akbar di arena global, berlakunya jenayah rasuah yang mengakibatkan kepimpinan sesebuah kerajaan telah hancur, musnah dan bertukar menjadi malapetaka kerajaan amalan rasuah tidak dibendung.

Apabila yang lebih penting, ugama kita Islam sangat mengutuk perbuatan rasuah. Allah Subhanahu Wata'ala telah melaknat pemberi dan penerima rasuah serta menjanjikan kepada mereka itu neraka-Nya.

Sebagaimana firman-Nya dalam Al-Quran yang bermaksud : "Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antaranya kamu dengan jalan yang batil (tiada hal) dan (jangan) kamu bawa kepada hakim, supaya dapat kamu makam sebahagian harta orang yang berdosa sedang kamu mengetahuinya". (Surah Al-Baqarah : 188).

Sementara itu, perbuatan rasuah ini adalah perbuatan yang sangat keji dan berdosa. Mereka yang terjejak dalam budaya rasuah akan memperoleh balasan yang setimpal dengan perbuatan mereka ini sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Pemberi dan penerima rasuah kedua-duanya akan masuk neraka".

Untuk melakar masa depan negara yang bebas dari jenayah rasuah, Kerajaan Kebawah DYMM telah memperkenankan Perintah Akta Pencegahan Rasuah (Pindaan) 2015 yang bertujuan untuk menangani kebimbangan kerajaan berkenaan dengan 'rasuah dalam bentuk penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan peribadi'.

Dari itu, Sebagai sebuah negara yang merdeka dan terus berkembang berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), rasuah mesti terus dibasmi demi keamanan dan keharmonian negara kita, dan tidak membiarkan ia menular sehingga menjadikan imej dan kredibiliti negara.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	31 °C	32 °C
25 °C	25 °C	26 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	32 °C	32 °C
25 °C	26 °C	26 °C

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	RABU	19	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
16	KHAMIS	20	5.01	5.11	6.34	6.57	12.31	3.53	6.26	7.39
17	JUMAAT	21	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
18	SABTU	22	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.27	7.40
19	AHAD	23	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40
20	ISNIN	24	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.41
21	SELASA	25	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC
2380214

Rasuah merugikan negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pembangunan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pembangunan.

Dari muka 1

"Melihat kepada keterlibatan dengan pelbagai projek, maka wujud kesempatan untuk berlakunya jenayah atau salah laku di dalam negara ini kerana rasuah boleh melemahkan pentadbiran dan meruntuhkan negara. Selaku bangsa yang beragama, kita mesti ingat bahawa rasuah adalah jambatan ke neraka," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menekankan bahawa orang boleh sahaja terjebak memilih kontraktor dan pemborong dari luar negara di mana kononnya untuk mengharapkan hasil yang berkualiti akan tetapi sebaliknya, mereka curang, menggunakan bahan yang murah untuk meraih keuntungan yang lebih.

"Lebih malang lagi, jika pihak yang bertanggungjawab dalam kerajaan pula tidak memantau atau mengawasi perkara ini atau mereka sebenarnya tahu, tetapi bersekongkol melakukan kecurangan demi untuk meraih habuan dari pintu belakang," tegas Kebawah DYMM.

Sehubungan itu, hasilnya, terdapatlah sebilangan besar rumah-rumah yang siap dibina

mengalami kerosakan teruk khususnya ke atas struktur bangunan seperti bahagian *beam* rosak, paip-paip air terturun disebabkan permukaan tanah yang terturun, kerosakan siling dan paip kamar mandi yang bocor.

"Beta terpaksa menyebut di sini beberapa contoh, satu, pangaspuri nombor H40, Kawasan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan, bangunan ini mempunyai 300 buah apartmen yang kelihatan sudah siap serta mempunyai banyak kemudahan seperti kawasan letak kereta bertingkat, kawasan riadah dan kawasan permainan tetapi masih sahaja kosong sejak dua tahun lalu".

"Dua, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Jalan 99, terdapat bangunan rumah teres, nampak-nampaknya projek ini tergendala dengan kawasannya

telah dipenuhi dengan samak-samak".

"Tiga, Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau, di sini terdapat seribu buah rumah bagi rancangan ini, namun rancangan juga dilihat seperti tergendala dengan rumah-rumah mengalami kerosakan. Rancangan Perumahan tersebut difahamkan di bawah pengurusan pihak Brunei Economic Development Board (BEDB) yang dahulu dan dikendalikan oleh kontraktor luar negara. Bayangan seribu buah rumah, bukannya sedikit serta kos pembinaan juga bukanlah murah. Jadi salah siapakah itu?".

"Empat, Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang, Jalan Bingal, di sini juga terdapat rumah-rumah kosong, tidak berpenghuni kerana didapati tidak selamat untuk didiami. Mengapa ia tidak selamat? Memerlukan pencerahan untuk diambil perhatian dan pengajaran daripadanya," tegas baginda.

Kebawah DYMM seterusnya menekankan bahawa perkara-perkara berkenaan, memerlukan perhatian yang serius dan tidak boleh diambil ringan begitu sahaja malah ia perlu dicari atau dikenal pasti punca-puncanya mengapa rancangan tersebut tergendala.

Mengapa kerosakan-kerosakan begitu mudah terjadi dan mengapa rumah-rumah jadi kosong, tidak selamat untuk didiami? Mengapa

perkara-perkara ini boleh berlaku?

"Pihak-pihak berkenaan, tidak boleh tidak, mestilah bertanggungjawab untuk mencari punca-puncanya. Adakah mungkin projek tergendala kerana kita tersilap pilih pemaju atau kontraktor?" Adakah rumah-rumah mudah rosak kerana pihak pemaju atau kontraktor curang memilih bahan-bahan binaan yang murah".

"Kalaualah ini betul, mengapa pihak yang bertanggungjawab membiarkan penggunaan bahan-bahan yang murah itu dan mengapa tidak dipastikan lebih awal faktor keselamatan sebelum bangunan didirikan?" Semua ini meminta lebih bertanggungjawab daripada pihak-pihak berkenaan di dalam kerajaan," titah baginda.

Dalam titah baginda turut menyentuh mengenai isu tertentu di bawah Skim Perumahan, Jabatan Kemajuan Perumahan di mana ia mengenai dengan pemilik-pemilik rumah yang ada menyewakan rumah mereka kepada warga tempatan atau warga asing.

"Isu tersebut ialah mengenai pemilik-pemilik rumah di bawah skim ini, ada yang menyewakan rumah-rumah mereka kepada orang lain, sama ada, dari kalangan warga tempatan mahupun warga asing sedangkan dalam perjanjian terdapat peraturan dan syarat, tidak membenarkan untuk menyewakan rumah kepada orang lain bagi tempat tinggal atau menjalankan sebarang perniagaan seperti pejabat, kedai runcit atau gerai makan dan lain-lain serta tidak juga dibenarkan untuk menjual atau menggadaikan rumah atau tanah kepada pihak-pihak lain.

Sehubungan itu, peraturan dan syarat ini cukup jelas malah sekiranya pihak berkenaan mengambil sikap tegas berdasarkan peraturan dan syarat tersebut, nescaya perlanggaran tidak akan berlaku. Beta ingin melihat ianya dilaksanakan, bukan sekadar bagus di atas kertas. Demikianlah beberapa perkara yang mendesak untuk disebut. Akhirnya beta serahkan kepada pihak kementerian yang berkenaan untuk mengambil perhatian dan tindakan," titah baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai semasa mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pembangunan.

Berkenan meninjau lebih dekat Kementerian Pembangunan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melawat salah satu divisyen di bawah Kementerian Pembangunan (kiri), sementara gambar atas kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa berkenan melawat ke salah sebuah divisyen di Kementerian Pembangunan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan lawatan tidak berjadual ke Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di junjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato

Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Semasa lawatan berkenaan, baginda berkenan meninjau dengan lebih dekat serta menerima sembah penerangan mengenai beberapa bahagian di Kementerian Pembangunan iaitu Divisyen Guna Tanah, Perumahan dan Alam Sekitar, Divisyen Pengurusan Lembaga, Unit Kewangan, Divisyen Penyelaras Polisi dan Pelan Strategik, Divisyen Pelaburan dan Undang-Undang, Unit Audit Dalaman, Divisyen Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat, Pejabat Menteri dan

Timbalan Menteri.

Sejurus selepas itu, baginda berkenan melawat ke Divisyen Pengurusan Lembaga yang antara lain berperanan menyelaras pendaftaran Lembaga Arkitek,

Jurutera Profesional dan Juru Ukur Bahan, Lembaga Penilai dan Ejen Hartanah dan Lembaga Pemaju Perumahan.

Divisyen itu juga berperanan memantau dan menguruskan

rekod kelayakan dan amalan dan mendukung etika dan tatatertib bagi ketiga-tiga lembaga.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melawat salah satu bahagian di Jabatan Tanah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan melawat salah satu unit di Jabatan Ukur (kiri), sementara gambar kanan, Kebawah DYMM berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada salah seorang pegawai di Jabatan Tanah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa mengadakan lawatan ke Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Jabatan Ukur (kiri dan kanan).

Dari muka 4

Kementerian Pembangunan merupakan peneraju dan

dipertanggungjawabkan bagi sektor-sektor guna tanah, penyediaan infrastruktur dan alam sekitar serta memelihara serta memperoleh fizikal,

memperbaiki fizikal dan aset-aset kerajaan. Oleh yang demikian, semua itu adalah bagi mendukung Wawasan Brunei 2035

terutamanya bagi menjana kualiti kehidupan penduduk yang tinggi.

Dalam mendukung wawasan negara itu, Kementerian

Pembangunan akan terus menyediakan infrastruktur sosioekonomi seperti Skim Rancangan Perumahan Negara, prasarana jalan raya, perkhidmatan air bersih, pembetungan dan saliran sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan memberikan penekanan menangani isu-isu alam sekitar serta pengurusan sumber.

Dari Kementerian Pembangunan, Kebawah DYMM berkenan berangkat meneruskan lawatan ke Bahagian Jabatan Tanah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Ukur dan Jabatan Kemajuan Perumahan.

Keberangkatan baginda ini bertujuan untuk memastikan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, peka terhadap isu-isu yang ditangani oleh pihak kerajaan selain berusaha mencapai serta menjayakan misi serta visi Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya.



KEBAWAH DYMM berkenan melawat salah satu unit di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan berkenan menerima junjung ziarah semasa berada di Jabatan Perumahan (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah semasa mengadakan lawatan ke Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan salah satu unit di Jabatan Perumahan (kiri dan kanan).

Rasmikan Forum Pelancongan ASEAN 2020

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Masri Osman

Dari muka 1

DYTM seterusnya dijunjung untuk menyaksikan Mini Pameran yang disembahkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Huawei Technologies (Brunei), Sendirian Berhad.

Di mini pameran tersebut, DYT berkenan mendengar sembah taklimat daripada Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof dan seterusnya berkenan menyaksikan video Virtual Reality (VR) di Ulu Temburong dengan menggunakan kaca mata VR.

Kemudian, DYT berkenan mendengarkan sembah taklimat mengenai evolusi teknologi sejarah dengan perkembangan perkhidmatan dalam sektor pelancongan dan perancangan kementerian berkenaan mengenai percubaan 5G di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), dalam bentuk Pusat Pengalaman Pelancong (Tourist Experience Centre).

Sementara itu, dalam sembah



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan merasmikan Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2020 (kiri), sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk menyaksikan dan berkenan mendengar sembah penerangan pada Mini Pameran yang disembahkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Huawei Technologies (Brunei), Sendirian Berhad.

taklimat yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies (Brunei), Sendirian Berhad, Mr. Kevin Zhang menjelaskan mengenai bagaimana teknologi 5G mengubah persekitaran untuk pelancong juga lapangan terbang dan pengurusan syarikat penerbangan.

Pada majlis perasmian tersebut, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sembah alu-aluannya, antara lain menyatakan, Industri Pelancongan ASEAN menyaksikan pertumbuhan yang ketara dalam dekad lalu dan terus menjadi penyumbang penting kepada pembangunan sosioekonomi di ASEAN.

ASEAN jelas Yang Berhormat, mengalau-alukan lebih 133 juta ketibaan antarabangsa pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak tujuh peratus daripada 2018 dan 36.7 peratus ketibaan antarabangsa pada tahun 2018 melalui perjalanan Intra-ASEAN.

Menurut Yang Berhormat lagi, peningkatan jumlah ketibaan pelancong merupakan peluang untuk ASEAN, daripada segi menjana kegiatan ekonomi, pelaburan dan pekerjaan.

Walaupun industri pelancongan menunjukkan peningkatan ketara dalam bilangan ketibaan pelancong, ujar Yang Berhormat, ia juga menghadapi cabaran, termasuk daripada segi kapasiti bawaan pelancongan, juga

penyediaan kemudahan dan perkhidmatan pelancongan yang dikehendaki oleh pelawat-pelawat yang berlainan kumpulan di setiap negara anggota ASEAN.

DYT seterusnya dijunjung untuk merasmikan ATF 2020 dan Laman Sesawang Pelancongan ASEAN, dan kemudian berkenan menerima pesambahan.

Laman Sesawang Pelancongan ASEAN yang baharu akan berfungsi sebagai platform sehenti untuk maklumat bersepada bagi orang ramai mengenai produk dan aktiviti pelancongan ASEAN.

Ia diharapkan memacu lebih banyak minat ke rantau Asia Tenggara sebagai destinasi pilihan untuk mengalami budaya dan kehidupan autentik rakyat ASEAN, di mana akan memperkuatkan hubungan di antara rakyat-ke-rakyat dan memperdalam pemahaman silang budaya.

Majlis Perasmian ATF 2020 juga diserikan dengan persembahan-persembahan nyanyian dan tarian tradisional.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYT juga berkenan menerima junjung

daripada para delegasi yang menyertai ATF 2020.

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah ATF 2020 bertema 'ASEAN - Bersama Ke Arah Menuju Generasi Perjalanan Akan Datang' yang berlangsung mulai 12 hingga 16 Januari ini.

Tema ATF tahun ini adalah relevan dengan apa yang dihadapi dunia hari ini, kerana ia mencerminkan cara industri pelancongan berkembang pesat.

Dalam hal ini, Pelancongan ASEAN amat mengiktiraf bahawa inovasi dan teknologi membawa faedah kepada industri pelancongan, dan membentuk cara, di mana kerajaan, pihak berkepentingan utama dan komuniti merangkumi trend semasa transformasi digital.



DYT berkenan menerima junjung ziarah daripada delegasi negara yang hadir pada Majlis Perasmian Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2020 tersebut.



DYT dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para jemaah Menteri Pelancongan ASEAN yang menghadiri Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2020 berkenaan.

Bantuan dihulur, kesajahteraan diutama



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (kiri) dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kanan) ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama.

Dari muka 1

Hadir, seterusnya mempengerusikan mesyuarat tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; dan

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara

Lama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapannya selaku Penasihat Bersama menjelaskan, Penubuhan Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama tersebut adalah berikut dengan kejadian kebakaran yang berlaku pada 8 Januari 2020, di mana meranapkan 12 buah rumah dan merosakkan empat buah rumah di Kampung Pengiran Bendahara Lama.

Yang Berhormat Menteri seterusnya menjelaskan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) memberikan penempatan sementara bagi mangsa kebakaran yang rumah mereka ranap semasa kejadian tersebut di Pusat Penempatan Sementara Sungai Akar.

Pihak JAPEM juga memberikan bantuan kewangan kerajaan kepada mangsa-mangsa kebakaran pada 13 Januari 2020 dan pihak Jabatan DBM turut memulakan pemberian jambatan utama, mulai 13 Januari 2020, jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat Menteri seterusnya turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pasukan Bomba dan Penyelamat kerana dapat mengawal kebakaran tersebut

Berita dan Foto :
Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

dalam masa 1 jam 10 minit, juga Pasukan Polis Diraja Brunei, Pemangku Ketua Kampung Pengiran Bendahara Lama dan semua penduduk kampung yang memberikan bantuan dalam mengawal kejadian tersebut.

"Saya dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan di atas tindakan segera kementerian-kementerian dan agensi-agensi tertentu, iaitu JAPEM, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, khususnya Majlis Ugama Islam Brunei dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) atas sikap prihatin dan simpati juga sumbangan yang dihulurkan kepada mereka yang terlibat di dalam kebakaran ini," tambah Yang Berhormat lagi.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Tetap (Pengurusan

Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama; Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah selaku Timbalan Pengurus Bersama Jawatankuasa Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Urusan YSHHB, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak; serta Pegawai-pegawai Daerah, Pemangku Pegawai Daerah, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, agensi-agensi yang berkenaan dan pihak swasta.

MUIB hulur bantuan, ringan bebanan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei ketika menyampaikan Agihan Wang Zakat kepada salah seorang mangsa.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Januari. - Dalam usaha meringankan bebanan mangsa-mangsa kebakaran baru-baru ini, Majlis Ugama Islam menyerahkan Agihan Wang Zakat kepada mangsa-mangsa kebakaran

rumah di Kampung Pengiran Bendahara Lama.

Majlis Penyerahan diadakan di Dewan Multaqqa, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Wang Agihan Zakat disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei.

Pada majlis tersebut, Agihan Zakat dalam bentuk kewangan dan peralatan-peralatan persekolahan diserahkan kepada 107 mangsa kebakaran.

Semua wang tunai yang berjumlah BND21,400 dan peralatan persekolahan tersebut diambil daripada peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin.

Kejadian yang berlaku pada 8 Januari 2020 lalu menjelaskan 15 buah rumah, di mana 10 buah musnah keseluruhannya, manakala lima lagi mengalami kerosakan teruk.

Pada masa ini, mangsa-mangsa tersebut tinggal sementara di rumah saudara mara dan sebagiannya di rumah sementara yang disediakan oleh pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Dengan adanya agihan zakat ini diharap akan dapat meringankan sedikit sebanyak beban yang ditanggung oleh mangsa dan dengan harapan semoga mereka lebih berhati-hati juga sentiasa berwaspada dalam menjaga keselamatan ahli keluarga daripada ditimpah musibah sebegini.

TRAVEX ketengah pelbagai produk pelancongan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Selasa, 14 Januari. - Pelbagai produk pelancongan diketengahkan semasa Travel Exchange (TRAVEX) sempena Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2020 yang berlangsung di Dewan Pameran BRIDEX, di sini.

Sehubungan itu, Tourism Malaysia mengadakan Majlis Pelancaran Astaka Malaysia dan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020, dilancarkan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Yang Berhormat Datuk Mohamaddin bin Ketapi.

Semasa ditemui Pelita Brunei, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Promosi Antarabangsa (Asia Tenggara), Tourism Malaysia, Azilina Azni binti Zainal Abidin berkata, bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020 mereka seharusnya berada di TRAVEX untuk mempromosikan tahun yang amat penting, iaitu mengongsikan Malaysia sebagai destinasi yang mempunyai banyak produk yang boleh diketengahkan kepada para pelancong luar negara.

Tambahnya, mereka menyertai TRAVEX untuk menguar-uarkan Tahun Melawat

Malaysia kepada semua *international buyers* dan media antarabangsa yang hadir pada ATF kali ini.

Beberapa agensi lain juga menurutnya menyertai mereka pada kali ini untuk mempromosikan produk-produk mereka, antaranya Malaysia Airlines, Malaysia Healthcare Tourism Council dan Selangor Tourism.

Ke muka 8



TIMBALAN Pengarah Kanan, Bahagian Promosi Antarabangsa (Asia Tenggara), Tourism Malaysia, Azilina Azni binti Zainal Abidin semasa ditemui bual.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong ketika menyaksikan pameran daripada Jerudong Park Country Club.

Oleh : Khartini Mohd. Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad



JERUDONG, Selasa, 14 Januari. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah ASEAN Tourism Forum (ATF) Travel Exchange (TRAVEX) 2020 yang bermula hari ini hingga 16 Januari nanti dengan mengetengahkan peluang pembeli dari seluruh dunia



Dari muka 2

Secara keseluruhannya, Deklarasi ASEAN mengenai Pengukuhan Perlindungan Sosial yang ditandatangani di Bandar Seri Begawan pada tahun 2013, mempertanggungjawabkan kita semua mengambil tindakan padu bagi meningkatkan mutu liputan dan perlindungan sosial mampan. Melalui instrumen ini, ASEAN telah bersetuju untuk berusaha ke arah memastikan setiap penduduk, khususnya yang mudah terdedah kepada bahaya, termasuk warga tua mendapat akses yang saksama kepada perlindungan sosial sebagai hak asasi manusia berdasarkan pendekatan kitaran kehidupan tentang hak dan keperluan. Hasil yang dihasilkan sewajarnya dapat memastikan warga tua, termasuk wanita akan dapat menjalani kehidupan secara berdikari, bermaruah dan akan terus aktif dalam

masyarakat.

Ke arah ini, saya yakin sepenuhnya bahawa forum hari ini adalah padu bagi mencapai matlamat yang dihasratkan. Dengan bergabung tenaga dan bekerjasama, kita dapat membuat perubahan dan membantu mempromosi tindakan bermakna kepada warga tua. Dengan kesepakatan ini, marilah kita melangkah ke hadapan melalui Komiti ASEAN mengenai Pelan Kerja Wanita 2016 - 2020 untuk mencapai keutamaan yang terkandung dalam Rangka Tindakan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC).

Sesungguhnya, sebagai sebuah keluarga di bawah ASEAN, kita mempunyai visi yang sama dalam

ATF TRAVEX platform promosi pelancongan ASEAN

program tahunan ATF.

Acara ATF TRAVEX yang unik ini juga dikhawasukan bagi memudahkan para pembekal produk dan perkhidmatan pelancongan ASEAN dan pembeli antarabangsa untuk berurus niaga juga bertemu dengan peserta melalui perjanjian perniagaan yang dijadualkan sebelum ini.

Kedua-dua pihak boleh memaksimumkan penyertaan mereka melalui mesyuarat yang dijadualkan terdahulu, seterusnya memberikan ruangan yang fleksibel untuk meneroka, berunding dan mengesahkan tawaran di antara satu sama lain.

Selain itu, ATF adalah usaha serantau untuk mempromosikan Persatuan Negara-negara ASEAN sebagai satu destinasi pelancongan, di mana ia melibatkan sektor-sektor industri pelancongan dari 10 buah negara ASEAN, iaitu Negara Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Kemboja, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Sebanyak 300 peserta pameran ASEAN, 200 pembeli perdagangan pelancongan, media antarabangsa dan tempatan menghadiri TRAVEX tahun ini.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan turut melawat beberapa pameran ASEAN yang mengambil bahagian di TRAVEX, termasuk Brunei Darussalam, di mana penyertaan negara pada tahun ini diwakili oleh Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; The Empire Brunei; Freme Travel Services; Jerudong Park Country Club; Mulia Hotel; Oceanic Quest Brunei; dan Royal Brunei Airlines.

Menurut TTG Asia selaku pengajar acara, Eropah membentuk majoriti pembeli yang

ANTARA negara ASEAN yang menyertai Pameran ATF TRAVEX yang berlangsung di Dewan Pameran, Pusat Persidangan Antarabangsa Bridex.

diluluskan pada 41 peratus, diikuti oleh Asia pada 32 peratus dan Amerika pada 15 peratus.

Selebihnya pembeli yang diluluskan melalui pasaran, termasuk Australia, New Zealand, Azerbaijan dan Estonia.

Salah satu pembeli yang diluluskan pada peringkat awal adalah Pengurus Operasi bersama Bidtravel, Jaime Monfort yang sedang mencari untuk membangunkan lawatan kumpulan dengan pakej khusus, terutama dari Brunei, Filipina, Kemboja, Laos, Malaysia dan Viet Nam di TRAVEX 2020.

Pengurus Besar Cosmopolis, Perancis, Guillaume Vaudey de Vaudrey memberitahu TTG Media, bahawa beliau berminat dengan rakan-rakan dari Brunei, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Turut hadir semasa lawatan itu, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Pengiran Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak; Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali; dan pegawai kanan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Dari muka 7

"Seharusnya kita akan menyokong Malaysia Airlines sebagai *national carrier* kepada Malaysia dan juga Malaysia Healthcare Tourism Council yang mempromosikan tahun 2020 ini sebagai Malaysia Healthcare Destination 2020. Selain itu, kami ada juga Selangor Tourism, salah satu negeri di Malaysia yang memperhebatkan promosi Malaysia pada tahun ini," jelasnya lagi.

ATF bertujuan merealisasikan hala tuju kerjasama yang ditetapkan oleh 10 negara anggota, ke arah 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti' dan merupakan satu usaha serantau bagi mempromosikan ASEAN sebagai destinasi pelancongan, di samping menyediakan platform untuk mengetengahkan produk pelancongan.



MENTERI Pelancongan, Seni dan Budaya, Yang Berhormat Datuk Mohamaddin bin Ketapi (tiga, kiri) ketika melancarkan Astaka Malaysia dan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 pada majlis tersebut.

HALUAN

Kekalkan perlindungan sosial khusus wanita berumur, warga tua

membina ASEAN yang berorientasikan manusia, dengan penekanan khusus kepada langkah-langkah yang akan melindungi kepentingan dan hak, menyediakan peluang yang sama rata, serta meningkatkan kualiti hidup, khususnya dalam konteks warga tua.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, izinkan saya melahirkan rasa penghargaan kepada ASEAN mengenai Melindungi Hak-Hak Wanita dan Kanak-Kanak, agensi-agensi dan individu-individu terlibat atas usaha yang tidak kendur-kendur bagi menjayakan sesi hari ini. Dan lebih penting lagi, kepada delegasi forum ini, semoga anda semua akan dapat berbincang

dengan produktif dan dapat menghasilkan cadangan-cadangan untuk bergerak maju. Terima kasih atas kesungguhan dan komitmen dalam merealisasikan forum ini dan semoga maju jaya dan semoga semuanya merasa selesa dan tenang selama berada di Negara Brunei Darussalam yang aman makmur. Terima kasih.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmani Rahim* saya sukacita merasmikan Forum Serantau Pengukuhan Dasar Perlindungan Sosial Yang Memberi Tumpuan Kepada Wanita Berumur Dan Warga Tua.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hadis Memelihara Lidah dan Tangan : Hayati Maksud dan Pengajarannya

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ISLAM menekankan akan perihal pentingnya memelihara kekukuhannya ukhuwah dan menggariskan irsyad rabbani bagi memastikan ukhuwah ini sentiasa terjalin dan terpelihara dari segala anasir yang boleh melemahkan atau menghancurkannya.

Salah satu daripada panduan dan bimbingan bagi memelihara ukhuwah ini sebagaimana yang telah digariskan Allah Subhanahu Wata'ala melalui lisan Nabi-Nya adalah dengan memerintahkan kita supaya sentiasa memelihara diri daripada menyakiti orang lain dengan kejahanatan lidah dan tangan.

Abdullah bin 'Amr Radiallahuanhuma meriwayatkan bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Seorang Muslim (yang sejati) itu ialah (apabila) orang-orang Muslim yang lain selamat daripada (kejahanan) lidah dan tangannya".

(Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini merupakan asas yang sangat penting dalam memelihara perpaduan dan kekuatan umat. Irsyad Hukum kali ini akan merungkai maksud serta pengertian hadis ini dan menyingskap pengajaran-pengajaran yang dapat diambil daripadanya.

Maksud Dan Pengertian Hadis

Secara umumnya, hadis ini bermaksud seorang Muslim yang memiliki ciri-ciri yang baik dan mulia ialah mereka yang tidak menyakiti saudara Muslimnya yang lain dengan kata-kata dan segenap perbuatannya.

Memelihara lidah dan tangan merupakan salah satu nilai dan ciri-ciri utama seorang Muslim yang sempurna. Ini kerana ia merupakan antara petanda yang menunjukkan bahawa seseorang itu adalah seorang Muslim yang sebenar-benarnya.

Menurut Imam al-'Aini Rahimahullah, memelihara kedua-dua anggota ini merupakan salah satu daripada cabang-cabang iman. Oleh itu, tidak sempurna iman dan ugama seseorang jika dia tidak memelihara lidah dan tangannya daripada menyakiti orang lain.

Menurut Imam al-Khatthabi Rahimahullah, hadis ini juga membawa maksud bahawa sebaik-baik golongan Muslim itu adalah mereka yang memelihara kedua-dua hak secara bersamaan, iaitu hak-hak Allah Subhanahu Wata'ala dan hak-hak kaum Muslimin. Beliau menambah bahawa barang siapa yang bersifat sedemikian, yakni memelihara hak Allah Subhanahu Wata'ala dan memelihara hak kaum Muslimin dengan tidak menyakiti mereka, maka dia adalah seorang Muslim yang terpuji.

Menurut Imam al-'Aini Rahimahullah, pengkhususan memelihara kedua anggota ini juga boleh membawa maksud bahawa menjauhi daripada menyakiti dengan keduanya itu adalah sangat dituntut dan sangat diperkuatkan.

Walaupun dalam hadis ini secara zahirnya menyatakan bahawa larangan daripada menyakiti itu dikhususkan terhadap sesama Muslim, pada hakikatnya, perintah ini juga merangkumi tegahan daripada menyakiti golongan bukan Muslim yang dilarang syarak untuk menyakiti dan diperangi seperti golongan kafir zimmi.

Maksud Memelihara Lidah Daripada Melakukan Kejahanan

Memelihara lidah dalam hadis ini disebut secara khusus kerana lidah merupakan cerminan, ungkapan dan ekspresi jiwa serta luahan perasaan dan pemikiran yang dipendam dan terbukti di hati.

Kejahanatan lidah sangat banyak dan sukar untuk disebutkan keseluruhannya satu persatu. Antara kejahanatan lidah ialah *ghibah*, mengumpat, mengadu domba, menghina, memfitnah, menghasut, mempersenda, memperlekeh, berdusta dan banyak lagi. Pada asasnya, apa sahaja perbuatan lidah yang boleh menyakiti atau menyalimi orang lain tanpa hak, maka yang demikian itu adalah termasuk dalam kategori kejahanan

lidah.

Kejahanatan lidah ini, selain menyakiti orang yang dizalimi, ia juga boleh menyakiti dan menyusahkan orang yang langsung tidak ada kaitan dalam urusan antara orang yang menyakiti dan orang yang disakiti. Contohnya, orang yang mendengar umpatan atau *ghibah*, dia boleh sahaja turut mendapat dosa sekiranya dia tidak mengelakkan diri daripada mendengar umpatan atau *ghibah* tersebut. Ini kerana sepetimana diharamkan untuk mengumpat dan melakukan *ghibah*, mendengarnya juga sama-sama diharamkan.

Banyak hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menyatakan perintah supaya sentiasa memelihara lidah. Selain itu, banyak juga hadis berupa kecaman dan amaran mengenai bahaya lidah, serta tegahan daripada mengatakan sesuatu yang tidak mendatangkan sebarang manfaat dan faedah.

Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sungguh seorang hamba mengucapkan suatu kata yang Allah Subhanahu Wata'ala redai, dalam keadaan dia tidak memikirkan tentang baik buruk atau akibat daripada perkataan itu, lalu dengan kata tersebut Allah mengangkatnya beberapa darjah.

Dan sungguh seorang hamba mengucapkan suatu kata yang Allah Subhanahu Wata'ala murka dalam keadaan dia tidak memikirkan tentang baik buruk atau akibat daripada perkataan itu, lalu dengan kata tersebut dia terjatuh ke dalam neraka jahanam".

(Hadis riwayat Al-Bukhari)

Antara perkara yang paling dikhawatirkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap umat Baginda adalah kelalaian memelihara lidah. Sufyan ats-Tsaqafi Radiallahuanhu pada suatu hari bertanya kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tentang apakah yang paling Baginda takuti dan risaukan terhadap diri beliau (Sufyan ats-Tsaqafi Radiallahuanhu). Baginda lalu memegang lidah Baginda sendiri lalu menjawab : "Yang ini".

Jika ini merupakan kekhawatiran Baginda



IRSYAD HUKUM

جهاز مفتى كالجان
جهاز مفتى كالجان

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

terhadap seorang sahabat yang tinggi darjah kemuliaannya, maka apatah lagi diri kita yang mungkin tidak akan mampu untuk sampai ke tahap mereka itu.

Menurut Malik bin Dinar Rahimahullah, lidah yang tidak dipelihara dengan baik akan mengakibatkan berbagai kesusahan serta kesan yang buruk terhadap hidup tuannya. Dia berkata : "Sekiranya engkau mendapati kekerasan pada hatimu, rasa lemah pada tubuh badammu serta kesempitan pada rezekimu, maka ketahuilah bahawa (semua itu berlaku kerana) engkau pernah mengatakan sesuatu yang tidak ada kena mengena dengan dirimu".

Dahsyatnya penangan lidah serta bahaya yang boleh dibawanya itu sehingga Imam Ibnu al-Qayyim Rahimahullah menyatakan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah menjadikan lidah seorang manusia ditutup dan dilindungi oleh dua anggota lain iaitu gigi dan kedua bibir sebagai isyarat akan bahaya yang akan terjadi sekiranya lidah itu tidak diawasi dan tidak dipelihara dengan sewajarnya. Ini merupakan suatu rahsia dan hikmah Ilahi yang perlu disedari dan diambil perhatian.

'Citarasa Malaysia', 14 - 21 Januari

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah (kiri) dan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Yang Berhormat Datuk Mohamaddin bin Ketapi semasa melancarkan Festival Makanan Tahunan Malaysia di Restoran Horizons dengan tema baharunya 'Citarasa Malaysia'.

BANDAR SERI BEGAWAN, dengan kerjasama Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia mempersembahkan Festival

Makanan Tahunan Malaysia yang diadakan di Restoran Horizons, bermula 14 hingga 21 Januari dengan tema baharunya 'Citarasa Malaysia'.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya melancarkan festival makanan tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Yang Berhormat Datuk Mohamaddin bin Ketapi.

Turut hadir, Lembaga Pengarah RBC, Wakil Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia dan tetamu undangan lain.

Tahun ini, Restoran Horizon menghidangkan masakan tradisional Malaysia seperti Roti Canai, Rojak Penang, Laksa Kari

Nonya, Kwey Teow Goreng Pulau Pinang, Kambing Goreng Bakar, Ayam Percik, Nasi Lemak Sambal Sotong, Teh Tarik, Ais Kacang, Onde-Onde juga pencuci mulut.

Pada festival itu diserikan lagi dengan Persembahan Tarian oleh Penari-penari Kebudayaan Malaysia, di mana persembahan itu akan diadakan sepanjang dua hari festival.

Ia juga diadakan selaras dengan Kempen Pelancongan Malaysia, iaitu Visit Malaysia 2020.

Sepanjang festival tersebut, 'Citarasa Malaysia' akan mensajikan beberapa hidangan terbaik dari negara-negara Malaysia yang akan disediakan bermula jam 7.00 malam hingga

10.00 malam.

Bufet Makan Malam, berharga BND24.90 bagi dewasa, manakala BND14.90 untuk kanak-kanak.

Selain itu, Restoran Horizons juga akan menghidangkan Makan Tengah Hari, bermula Isnin hingga Khamis dengan harga BND14.90 seorang.

Bagi pemegang Kad Makan RBC juga berhak menikmati harga diskon hingga 10 peratus semasa tempoh promosi berkenaan.

Untuk tempahan, bolehlah menghubungi Restoran Horizons melalui talian +673 2233400 atau melayari [@horizonsrestaurantbrunei](http://horizonsrestaurantbrunei) di Instagram juga Facebook untuk sebarang maklumat terkini dan promosi.

PKWE Daerah Temburong dirasmikan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyaksikan hasil kraf tangan yang diusahakan oleh Warga Emas Daerah Temburong sejurus melancarkan Perasmian Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di daerah tersebut.

TEMBURONG, Isnin, 13 Januari. - Majlis Pelancaran Perasmian Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Temburong telah diadakan di Bangunan Kompleks Utama Bumiputra, Pekan Bangar, Daerah Temburong, di sini.

Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di daerah ini ditubuhkan

oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan kerjasama PKWE Temburong dan terletak di Bangunan Kompleks Utama Bumiputra, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya merasmikan penubuhan PKWE bagi Daerah Temburong itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok; Setiausaha Tetap KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman; Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Temburong; Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan; ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PKWE Temburong; dan Ahli-ahli PKWE Daerah Brunei Muara, Tutong dan Belait.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Puni, Awang Azry bin Haji Mohd. Yussof, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan juga Penghulu Mukim Bokok selaku Pengurus sementara Jawatankuasa Tadbir PKWE Temburong, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Majlis Perasmian dilancarkan dengan menandatangani Plak oleh tetamu kehormat majlis. Majlis juga turut menyaksikan pertandingan mengelupis dan menjalin bagi warga emas empat daerah, pameran dan jualan dari setiap kampung dan mukim Daerah Temburong seperti

buah-buahan, kuih-muih tradisi, parang, demonstrasi masakan dan sebagainya.

Dengan tertubuhnya PKWE bagi Daerah Temburong ini, ia diharap akan dapat memenuhi keperluan warga emas, sekali gus menikmati kehidupan aktif serta dapat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan program bersesuaian dengan warga emas.

Dalam masa yang sama, ia juga diharap akan dapat menarik penglibatan pihak belia dan peringkat masyarakat sekeliling khususnya dalam kegiatan sosial yang berkebajikan ke arah masyarakat yang bersepakad dan berpengetahuan.



ANTARA yang hadir pada Majlis Pelancaran Perasmian PKWE di daerah tersebut yang berlangsung di Bangunan Kompleks Utama Bumiputra, Pekan Bangar.

Bertahlil sempena Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun



PESURUHKAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali (dua, kiri) hadir pada Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja.



Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Bersempena dengan Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun bagi Tahun 2020, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Hadir, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Bacaan Tahlil dan Surah Yaa Siin pada majlis tersebut dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja merupakan salah satu acara yang disusun bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun.

Juga hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid; para Pengarah; Pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, anggota dan kakitangan Awam daripada PPDB.

ANTARA pegawai-pegawai dan anggota PPDB yang hadir pada Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja sempena dengan Sambutan Hari Polis Ke-99 Tahun bagi Tahun 2020.

Alert List AMBD dikemas kini

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa Alert List AMBD dikemaskinikan.

Alert List AMBD adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberikan kebenaran atau kelulusan di bawah Undang-undang dan Peraturan-peraturan di bawah Kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalah undang-undang.

Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.

AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa entiti yang dimasukkan ke dalam Alert List AMBD bagi bulan Disember 2019 adalah seperti a) Dinar Dirham Koin (DDK); dan

b) Skim Pelaburan SMMG (Skim Dana Self Made Millionaires Group).

Alert List AMBD yang dikemaskinikan boleh didapati melalui Laman Sesawang AMBD di www.ambd.gov.bn.

Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman sesawang sama.

AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD), dan mengutamakan pelindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.

AMBD juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi AMBD melalui talian +673 2380007 atau e-mel melalui fci@ambd.gov.bn.

JMK berjaya serlah fatwa secara konsisten

Oleh : Nooratini Haji Abas
 Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) Brunei Darussalam dianggap sebagai satu-satunya agensi agama di dunia yang berjaya menyerlahkan fatwa secara konsisten melalui penerbitan-penerbitan buku.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned berkata demikian pada Majlis Pelancaran Buku-buku Terbitan JMK, berlangsung di Ruang Legar (Lobi) Bangunan Darulifta, JMK berkenaan, di sini.

Menurutnya, terbitan terbaru buku-buku berkenaan adalah Fatwa Berjilid 1994 hingga 2017, Umara dan Ulama, Masjid dan ath-Thaharah.

"Saya melihat keempat-empat buku ini merupakan terbitan sangat bermanfaat untuk dimiliki dan dibaca oleh umat Islam di negara ini khasnya. Mengapa begitu?



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz hadir melancarkan tiga buah buku terbitan terbarunya dan buku Fatwa Mufti Kerajaan Berjilid, di Ruang Legar (Lobi) Bangunan Darulifta Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri melancarkan tiga buah buku terbitan terbarunya dan buku Fatwa Mufti Kerajaan Berjilid, bertempat di Ruang Legar (Lobi) Bangunan Darulifta Brunei Darussalam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan Pelancaran Buku-buku tersebut, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Turut hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pentadbiran JMK, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman.

Ini diikuti dengan ucapan dan pelancaran oleh tetamu kehormat majlis, diiringi dengan bacaan Selawat Ibrahimiah oleh Pegawai

Kerana ia mengandungi ilmu yang mengupas mengenai hukum-hakam, ibadat dan panduan kehidupan harian," tambahnya lagi.

Ujar beliau lagi, adapun penerbitan Buku Fatwa Berjilid dari Tahun 1994 hingga 2017 adalah hasil fatwa terkumpul selama 23 tahun, di mana ia bukanlah satu usaha mudah, tetapi memerlukan kegigihan dan minat besar terhadap ilmu kerana tanpa kegigihan dan minat itu, buku ini tidak akan lahir.

Justeru itu, jelas beliau JMK dapat dianggap sebagai satu-satunya agensi agama di dunia yang berjaya menyerlahkan fatwa secara konsisten melalui penerbitan-penerbitan buku dan ini turut diakui oleh rakan-rakan sekerja di luar negara, bahawa Brunei adalah paling ke hadapan dalam usahanya menerbitkan buku-buku fatwa.

"Sebagai bukti, bertolak dari tahun 1997 sampailah sekarang,

hingga menjangkau hampir suku abad, JMK tidak pernah berhenti dari menerbitkan fatwa dalam bentuk buku. Selain mendapat sambutan dalam negeri, buku fatwa juga amat laris di luar negara apabila jabatan diundang untuk menyertai ekspo-ekspo buku rantaun dan antarabangsa.

Demikian juga lain-lain bahan terbitan turut kita bukukan. Hingga sekarang saja, Jabatan Mufti telah berjaya menerbitkan sebanyak 124 judul buku, tidak termasuk beberapa bahan terbitan lain, seperti surat berita al-Hadaf, yang telah terbit empat kali setahun. Al-Hadaf benar-benar berjaya meniti masa, sampai kini, telah pun mencapai usianya 23 tahun," jelas beliau.

Beliau juga menyatakan Jabatan Mufti turut menerbitkan Cakera Padat (DVD dan VCD) yang mengandungi Ceramah dan Pembentangan Kertas Kerja, termasuk Rancangan di Radio dan Televisyen.

"Rasa-rasanya, dengan aktiviti penerbitan yang diusahakan oleh Jabatan Mufti setakat ini, mewajarkan negara layak berbangga. Di peringkat serantau,

kita telah beberapa kali menerima anugerah-anugerah penerbitan, seperti Anugerah Perdana Penerbitan Nusantara 2014, Anugerah Buku Umum Terbaik ASEAN 2018 dan Anugerah Buku Terjemahan Terbaik ASEAN 2018," terangnya lagi.

Jelasnya, ketiga-tiga anugerah berprestij tersebut dianugerahkan oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara Malaysia (YPBM), sementara di peringkat tempatan pula, JMK juga katanya meraih beberapa anugerah, antaranya dinobat sebagai Penerbit Terbaik (Ilmiah) 2013, Penerbit Terbaik (Ilmiah) 2014, Penerbit Terbaik (Umum) 2015, yang dianugerahkan semasa Pesta Buku Brunei dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

"Tidaklah berlebihan jika dikatakan, pemilihan Jabatan Mufti sebagai penerima beberapa anugerah penerbitan tempatan dan serantau ini adalah sebagai pengiktirafan yang bukan dirancang, tetapi ia berlaku semata-mata kerana menepati kriteria mutu. Alhamdulillah, jika ini dapat dibanggakan, maka ia



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika berucap pada majlis tersebut.

buhanlah kebanggaan Jabatan Mufti, tetapi adalah kebanggaan negara juga," menurutnya lagi.

Bukan itu sahaja, Yang Berhormat juga difahamkan, melalui penyertaan jabatan di pameran-pameran dan pesta-pesta buku peringkat serantau dan antarabangsa, yang disertai selama ini telah menyerlahkan hakikat, bahawa buku-buku terbitan JMK, tegesnya turut tersebar, menemui para penggemar buku hingga ke Amerika, Eropah dan Asia.

Tiga buah buku baru, Fatwa Mufti Kerajaan dilancarkan

perkara-perkara berkaitan dengan Thaharah.

Seterusnya, Umara' dan Ulama yang dijual dengan harga BND6 mengandungi ceramah khas, kertas kerja utama seminar dan muzakarah, disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan yang dibentangkan di negara ini dan di beberapa buah negeri di Malaysia, iaitu Pemerintahan Raja Salih Membawa Berkat; Kanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan; Keunggulan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Umar 'Abdul 'Aziz Rahimahullah Sebagai Tokoh Yang Dihormati dan Kepimpinan dan Kekhalifahan, Gagasan Konstruktif Ulama dan Umara'.

Antara penjelasan yang dapat diambil dari buku ini ialah bahawa Umara' dan Ulama itu adalah saling terikat atau diikat oleh kepentingan dan keperluan.

Umara' dan Ulama, kedua-duanya itu sama-sama memegang peranan dan tidak boleh berpisah. Keduanya sama-sama memimpin, mengurus dan mengatur umat.

Ulama dituntut memberi bimbingan dan nasihat, sementara Umara' dituntut melaksanakan nasihat tersebut. Umara' arif lagi bijaksana tidak akan menolak ulama, malah menggunakan ulama.

Kemudian, buku Masjid yang dijual dengan harga BND4, di mana ia adalah terjemahan kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadzab, iaitu sebuah kitab muktabar dalam bidang fiqh mazhab Syafi'i, karya



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz menyampaikan Waqaf Buku-buku yang dilancarkan kepada wakil perpustakaan awam dan institusi pengajian tinggi terpilih.

Imam an-Nawawi Rahimahullah.

Buku ini adalah hasil usaha yang dilakukan oleh para pegawai ilmu di Bahagian Ifta', JKM sebagai salah satu daripada projek ilmiah bagi sumbangan JMK kepada masyarakat. Buku ini amat berfaedah dan dapat dijadikan bahan rujukan dan panduan secara meluas bagi seluruh umat Islam.

Buku ini dijual dengan harga BND350. Set ini turut mengandungi himpunan fatwa yang difatwakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan yang diterbitkan secara berjilid sebanyak sepuluh jilid.

tidak dinyatakan, diberikan penjelasan, semata-mata untuk kemudahan pembaca memahami dan membuat rujukan.

Manakala, buku Fatwa Mufti Kerajaan (Berjilid) adalah kompilasi buku Fatwa Mufti Kerajaan yang diterbitkan pada tahun 1994 hingga 2017.

Buku ini dijual dengan harga BND350. Set ini turut mengandungi himpunan fatwa yang difatwakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan yang diterbitkan secara berjilid sebanyak sepuluh jilid.

Tingkat kemahiran penggubalan undang-undang



PEMANGKU Pengarah Unit Perundangan Islam, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh menyampaikan sijil kursus kepada salah seorang peserta Kursus Penggubalan Undang-Undang.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Isnin, 13 Januari. - Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri menganjurkan Kursus Penggubalan Undang-Undang selama tiga hari, iaitu pada 9, 11

dan 13 Januari 2020, di Bilik Kuliah, Tingkat 1, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, Penyampaian Sijil Kursus

berkenaan telah berlangsung di Dewan Melor, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis Berakas.

Sijil-sijil kursus disampaikan oleh Pemangku Pengarah Unit Perundangan Islam, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Peserta kursus seramai 17 orang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri. Fasilitator kursus ialah Pemangku Penggubal Undang-Undang, Pejabat Peguam Negara, Pengiran Hajah Siti Rahmah binti Pengiran Haji Mohammad.

Antara tujuan kursus diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai prinsip asas penggubalan undang-undang bagi memastikan undang-undang yang digubal adalah teratur, di samping itu dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai kaedah-kaedah penilaian dan pemilihan undang-undang dan sumber rujukan lain yang dijadikan *benchmark*, dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tatacara / kaedah penggubalan yang terkini; mempelajari dalam merangka objektif dasar suatu penggubalan undang-undang, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai Unit Perundangan Islam dalam mengendalikan penyelidikan undang-undang yang berkesan;

dan meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran mengenai prinsip, prosedur dan teknik penterjemahan dan pentafsiran statut.

Dengan adanya kursus seumpama ini diharap akan dapat menjadi platform bagi Unit Perundangan Islam dan Pejabat Peguam Negara untuk berkongsi

pengalaman dan saling bertukar fikiran serta maklumat dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang serta dapat menjalinkan hubungan kerja yang erat dan rangkaian kerjasama dua hala berhubung perkara-perkara berkaitan dengan perkara undang-undang dan lain-lain hal yang berkaitan.

Kempen derma darah KUPU SB

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Makmal Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mengadakan kempen pendermaan darah yang diadakan di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.

Seramai 40 penderma dalam kalangan pensyarah, kakitangan dan pelajar-pelajar KUPU SB menghadiri kempen pendermaan darah tersebut. Beberapa kepentingan pendermaan darah, iaitu selain ia merupakan amalan yang terpuji dan mulia di sisi agama Islam, satu pendermaan darah boleh menyelamatkan tiga nyawa khusus bagi yang memerlukan seperti pesakit yang menjalani pembedahan, anak damit yang lahir pramatang, mangsa kemalangan, pesakit-pesakit yang menghidap penyakit darah dan lain-lain lagi.

Bagi penderma pula, ia mampu untuk mengurangkan risiko serangan penyakit jantung dan malah membantu membakar kalori sekurang-kurangnya 500 Kcal.



ANTARA penderma dalam kalangan pensyarah, kakitangan dan pelajar-pelajar KUPU SB yang menghadiri kempen pendermaan darah tersebut.



MAJLIS Penandatanganan dan Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Belia Brunei bagi Sesi 2019 - 2021, Awang Muhammad Aidil Firdaus bin Haji Jukin (kiri) dan Presiden SCOT, Awang Ahmad Syauqie Haji Satia dan Presiden PBU, Dayang Hajah Nurul Izzati Nazirah binti Haji Embran (atas dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Belia Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Majlis Belia Brunei (MBB) mengadakan Majlis Menandatangani Tiga Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Rakan Strategik baru-baru ini.

(Society for Community Outreach & Training); Projek Bina Ukhwah (PBU); dan Al Amin Recovery Management baru-baru ini.

Majlis tersebut berlangsung pada Isnin, 12 Januari 2020,

di Bilik Operasi MBB, Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Majlis Penandatanganan MoU, disempurnakan oleh Yang Dipertua MBB bagi Sesi 2019 - 2021, Awang Muhammad Aidil Firdaus bin Haji Jukin; Presiden SCOT, Awang Ahmad Syauqie Haji Satia; Presiden PBU, Dayang Hajah Nurul Izzati Nazirah Haji Embran; dan CEO Al Amin Recovery Management, Awang Md. Fazirul Hakeem Haji Zenudin.

Penandatanganan MoU tersebut bertujuan untuk meningkatkan kerjasama di antara MBB dan Rakan Strategik terdiri daripada Persatuan Belia dan Perusahaan Sosial Belia di Negara Brunei Darussalam dalam menangani mana-mana isu berkaitan, khususnya dengan belia dan masyarakat.

MBB merupakan satu Badan Bukan Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan penglibatan belia-belia, khususnya di Negara Brunei Darussalam ke arah penyatuhan dan perubahan sejarah wawasan negara ini.

Majlis terdiri daripada persatuan-persatuan, kumpulan-kumpulan belia dan perusahaan sosial belia yang berdaftar secara gabungan atau sebagai rakan strategik, berpusat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan juga mempunyai cabang di keempat-empat daerah yang dinamakan MBB.

Turut hadir, Ahli-ahli MBB dan Rakan Strategik.

Peluang kolaborasi agrimakanan



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman mengenai pengeluar dan pengekspor muskmelon, dan bekerjasama dalam melakukan penyelidikan, pembangunan dan program latihan khusus di antara UTB, diwakili Pengarah Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Agri-Makanan (CrAFT) UTB, Dr. Beston Faek Nore (kiri) dan Gropoint Sendirian Berhad yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Lee Wei Sheng (kanan). Hadir menyaksikan penandatanganan tersebut, Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat majlis (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) melakar satu lagi sejarah penting dengan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara UTB dan Gropoint Sendirian Berhad yang berlangsung di Bilik Persidangan Utama, Bangunan Utama, Universiti Teknologi Brunei (UTB), di sini.

Pengarah Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Agri-Makanan (CrAFT) UTB, Dr. Beston Faek Nore, menandatangani selaku pihak UTB dan Gropoint diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Lee Wei Sheng. Majlis Penandatanganan tersebut turut disaksikan oleh Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat majlis.

Di bawah persefahaman berkenaan, UTB dan Gropoint,

selaku pengeluar dan pengekspor Muskmelon akan bekerjasama dalam melakukan penyelidikan, pembangunan dan program latihan khusus.

Melalui persefahaman itu, Gropoint juga akan menyediakan peluang penempatan kerja bagi para pelajar dan kakitangan universiti. Ketika ini, dua pelajar pascasiswazah UTB di bawah Program Sains Makanan dan Teknologi dari School of Applied Sciences and Mathematics (SASM) telah memulakan aktiviti penyelidikan mereka dengan kerjasama Gropoint dan Jabatan Pertanian, Agrimakanan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan.

Mahasiswa sedang mengkaji serta mengumpul data mengenai ciri-ciri morfologi dan psikologi dari Muskmelon Jepun yang ditanam di negara ini. Di samping itu, pelajar juga berpeluang melakukan kajian saintifik mengenai teknologi pembungkusan untuk Muskmelon bagi pengeksportan.

UTB dan Gropoint turut

merancang kerjasama di masa hadapan dengan melakukan lebih banyak penyelidikan dan pembangunan (R&D) khususnya dalam bidang pemasaran; kajian menuai pasca (*post harvest studies*); penyakit dan pengurusan perosak serta pembangunan produk makanan.

Usaha ini merupakan sebahagian

daripada rancangan strategik CrAFT bagi menterjemahkan hasil penyelidikan ke dalam produk dan proses serta usaha berterusan bagi menghubungkan akademik dengan bidang industri.

Dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti, UTB sentiasa mementingkan hubungan yang rapat di antara industri dan

akademik kepada pelajarnya serta menerima pendedahan langsung kepada dunia sebenar. Usaha ini akan dapat membantu dalam memperkembangkan industri agrimakanan di negara ini secara umum, terutama dalam menyumbang kepada peningkatan dan penggunaan pengetahuan saintifik serta keupayaan teknikal.



ANTARA pegawai-pegawai kanan dari UTB dan Gropoint Sendirian Berhad yang hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman tersebut.



PARA Juri semasa menilai para peserta yang bertanding pada Pertandingan Pidato Kebangsaan Brunei Darussalam 2019 (Peringkat Saringan) sempena Sambutan Bulan Bahasa 2019 tersebut, di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Pidato merupakan satu cabang seni penyampaian mesej komunikasi satu arah yang disampaikan secara lisan untuk mengungkapkan pemikiran, menghuraikan dan merumuskan sesuatu idea secara berkesan untuk ditujukan kepada khalayak atau audiens.

Sentuhan seni pidato adalah unik kerana ia perlu dicermati dengan susunan kata yang baik dan penyampaian berkesan adalah secara bersahaja dalam bentuk nasihat, peringatan, penegasan,

malahupun sindiran.

Sehubungan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa menganjurkan Pertandingan Pidato Kebangsaan Brunei Darussalam 2019 (Peringkat Saringan) sempena Sambutan Bulan Bahasa 2019, di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas.

Seramai 15 orang peserta bertanding dari pelbagai peringkat pendidikan dan institusi pengajian tinggi di negara ini, dengan mengetengahkan lima tema dasar, iaitu Belia dan Revolusi Industri

Pidato tingkat keyakinan, kemahiran bercakap

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

sebagainya.

Hanya enam peserta sahaja yang terpilih ke Peringkat Akhir nanti yang akan diadakan pada 27

Januari 2020, di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas, di mana pelbagai hadiah yang menarik menanti para pemenang.



DUA peserta yang menyertai Pertandingan Pidato Kebangsaan Brunei Darussalam 2019 (Peringkat Saringan) sempena Sambutan Bulan Bahasa 2019 dengan membentangkan tajuk-tajuk pidato yang disediakan pihak DBP.


IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

**PERATURAN 7(A) LUAR NEGERI
BILANGAN IKLAN 04/01/20 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai (dalam dan luar negeri) dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 15 JANUARI 2020
TARIKH TUTUP : 12 FEBRUARI 2020**

1. PAKAR BERSEKUTU (PERUBATAN) MD.18 (BAHAGIAN I) DISCIPLINE = ANAESTHESIA (1 JAWATAN) KEMENTERIAN KESIHATAN 2019/0051/13	2. PAKAR BERSEKUTU (PERUBATAN) MD.18 (BAHAGIAN I) DISCIPLINE = INTERNAL MEDICINE (1 JAWATAN) KEMENTERIAN KESIHATAN 2020/003/01
3. PAKAR BERSEKUTU (PERUBATAN) MD.18 (BAHAGIAN I) DISCIPLINE = PAEDIATRICS (1 JAWATAN) KEMENTERIAN KESIHATAN 2020/003/02	4. PAKAR BERSEKUTU (PERUBATAN) MD.18 (BAHAGIAN I) DISCIPLINE = PSYCHIATRY (1 JAWATAN) KEMENTERIAN KESIHATAN 2020/003/03
5. PAKAR BERSEKUTU (PERUBATAN) MD.18 (BAHAGIAN I) DISCIPLINE = RENAL (1 JAWATAN) KEMENTERIAN KESIHATAN 2020/003/04	6. PAKAR BERSEKUTU (PERGIGIAN) MD.18 (BAHAGIAN I) DISCIPLINE = PAEDIATRICS DENTISTRY (1 JAWATAN) KEMENTERIAN KESIHATAN 2019/0051/14

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA KATEGORI : [KA01]

TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
15 JANUARI 2020 (RABU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
4 FEBRUARI 2020 (SELASA)



JAM 3.30 PETANG

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
11 FEBRUARI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 02 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN 'GUARDRAIL' ROSAK DI LEBUHRAYA MUARA-BELAIT

YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA

BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 04 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN SALIRAN JALAN RAYA DAERAH BRUNEI-MUARA

YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA


JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI


TAWARAN :
RCED / TAWARAN / 1

TAWARAN UNTUK PEMELIHARAAN DAN MEMBAIKI KENDERAAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
SELASA, 18 FEBRUARI 2020 JAM 2.00 PETANG

KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN NO. 1 :
MINDEF / DFA / RC / 78 (9)
MAINTENANCE OF FREE STANDING STEEL TOWERS AND GUYED MASTS OF MINISTRY OF DEFENCE - FIVE (5) YEARS CONTRACT

BAYARAN TAWARAN :
BND500.00
(tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP :
18 FEBRUARI 2020
(SELASA)



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : IV, V & VI SAHAJA KATEGORI :
[B01 SAHAJA- KOD BARU]

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
28 JANUARI 2020 (SELASA)

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
11 FEBRUARI 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG
BILANGAN :
JKR / DTS / 01 / CQS / 2020 - T/V

NAMA PROJEK :
CADANGAN DEWAN SEKOLAH RENDAH LAMBAK KANAN JALAN 49
NO. PROJEK :
JKR / DTS / RKN / 15 / 2016

YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (a) - GAJI HARI
IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI

TARIKH IKLAN : 15 JANUARI 2020. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 JANUARI 2020. BILANGAN IKLAN : 04 / 01 / 20 (SPA / BIKL)

PERATURAN 7(a) - GAJI HARI

Syarat-Syarat Am :

- A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
C) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
D) Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

GH1. PEGAWAI KEWANGAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM :

1. Mempunyai kelulusan Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) atau Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) atau kelulusan profesional badan perakaunan yang diiktiraf.

ATAU

2. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi / Kewangan / Marketing / Perakaunan / Perdagangan / Perbelanjaan / Pengurusan atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

SECARA AM :

1. Membantu dalam urusan Pentadbiran dan Kewangan Jabatan yang berkaitan dengan persuratan, *book-keeping*, pertanyaan audit, pendaftaran dan memastikan supaya kerja-kerja yang terlibat dapat dilaksanakan dengan baik dan betul mengikut Peraturan Kewangan dan lain-lain peraturan.
2. Bertanggungjawab terus kepada Pegawai Kewangan Kanan.
3. Membantu dan bertanggungjawab terus kepada Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan di dalam pengendalian dan penyelarasan kerja projek TAFIS.
4. Bersedia menjalani kursus di dalam dan di luar negeri jika dikehendaki.
5. Bersedia bekerja dan melaksanakan

NOTA :
DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAITarikh Tutup Permohonan :
29 JANUARI 2020

Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan salinan-salinan Kad Pengenalan Pintar, Surat Beranak, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan, satu keping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut :

Urusetia Jawatankuasa Pengambilan Pegawai-Pegawai Bergaji Hari Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat Tingkat 15, Bangunan Kementerian

tugas-tugas seperti yang diarahkan oleh Jurukira Agung dari semasa ke semasa.

SECARA KHUSUS DI BAHAGIAN BELANJAWAN :

1. Menganalisa dan memproses cadangan Anggaran Peruntukan Tahunan dan permohonan-permuhanan peruntukan dan tawaran serta melaksanakan pemantauan dan menyediakan laporan.
2. Membantu dan bertanggungjawab kepada Pegawai-Pegawai Kanan di Bahagian Perbelanjaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi di dalam pengendalian dan penyelarasan kerja-kerja belanjawan dan tawaran.
3. Mencadangkan dan mengendalikan projek-

PEMBERITAHUAN :

1. Penggunaan Borang SPA/1
 - a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.
 - b. Borang SPA/1 boleh didapati di laman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (www.spa.gov.bn) klik 'Muat Turun' kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
 - c. Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.
 - d. Pemohon hendaklah menyertakan satu keping gambar terkini berukuran pasport.

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan).

projek peningkatan atau reformasi pengurusan kewangan ke arah urustadbir kewangan yang baik dan berdaya tahan dari semasa ke semasa.

4. Bersedia menjalani kursus atau penempatan kerja di dalam dan di luar negeri, jika dikehendaki.

5. Bersedia melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

BERTEMPAT :

KAWASAN TEMPAT PENYIMPANAN
BESI BURUK KERAJAAN
J.K.R SINARUBAI.

KKW / ADM / JBT / 56

BERTARIKH : 21 SEPTEMBER 2015
BERSAMAAN 7 ZULHIJAH 1436
JABATAN MUZIUM-MUZIUM

KKW/ADM/KEM/11

BERTARIKH
7 FEBRUARI 2019
BERSAMAAN 2 JAMADILAKHIR 1440
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

NOTIS JUALAN BESI BURUK DAN BARANG GUNAHABIS

TARIKH MULA :
20 JANUARI 2020 (ISNIN)

TARIKH MELIHAT, MENGAMBIL DAN MENGHANTAR BORANG TAWARAN (WAKTU BEKERJA) :
20 JANUARI 2020

HINGGA 25 JANUARI 2020

ISNIN HINGGA KHAMIS
8.30 PAGI HINGGA 11.30 PAGI
1.30 PETANG HINGGA 3.00 PETANG

SABTU
8.30 PAGI HINGGA
10.30 PAGI
PETANG : TUTUP

TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG TAWARAN KE DALAM PETI TAWARAN :
27 JANUARI 2020
SEBELUM JAM 9.00 PAGI (ISNIN)
(MEMBUKA PETI TAWARAN)

LOT 1 DAN KETERANGAN :
KENDERaan TERPAkAI
(NISSAN WINGROAD)
(1 BUAH)

KOBELCO EXCAVATOR TRACK
(BERANTAI) TERPAkAI
(1 BUAH)

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
DIVISIEN PENGURUSAN KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

NOTIS SEBUT HARGA

BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2019 / Q46
INVITATION FOR FLOWAVE
SUPPORT MAINTENANCE FOR
MINISTRY OF DEVELOPMENT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bayaran Sebut Harga :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :
13 Januari 2020

Tarikh Tutup :
20 Januari 2020

JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan /
Pembekalan :
**PEMBEKALAN DAN
PENGHANTARAAN KOMPUTER
LAPTOP BAGI PEMANTAUAN DAN
PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN
JABATAN KAJICUACA BRUNEI
DARUSSALAM**

Sebut Harga Bilangan :
JKBD / 2020 / SH-05

Tarikh Tutup :
RABU, 29 JANUARI 2020
**SEBELUM JAM
2.00 PETANG**




**OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

BILANGAN SEBUT HARGA :
KKBS / OBBD / F-004 (02-2020-2022)

**KONTRAK PENGGAL (2) TAHUN
(2020-2022) BAGI PENYEDIAAN DAN
PENYAJIAN MAKAN / MINUM
(CATERING) UNTUK PEGAWAI,
KAKITANGAN DAN PESERTA YANG
MENGIKUTI PELBAGAI PROGRAM
OUTWARD BOUND BRUNEI
DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Tarikh Akhir Mengambil Borang :
28 Januari 2020 (Selasa)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
30 Januari 2020, jam 2.00 Petang
(Khamis)


**JABATAN UKUR
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

BILANGAN TAWARAN :
JUA / 15 / 2019

**AERIAL PHOTOGRAPHY, AIRBORNE
LIDAR ACQUISTION AND
GEOSPATIAL MAPPING PROJECT
OF BRUNEI DARUSSALAM**

YURAN TAWARAN :
BND500.00

TARIKH TUTUP :
SELASA, 11 FEBRUARI 2020


**JABATAN KAJICUACA
BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**


**TAWARAN BAGI
'THE SUPPLY AND DELIVERY OF
CORPORATE ATTIRE OF THE BRUNEI
DARUSSALAM METEOROLOGICAL
DEPARTMENT OFFICERS AND STAFF'**
Bilangan Tawaran : JKBD / 2020 / SH-01

Tarikh Tutup :
RABU, 29 JANUARI 2020
SEBELUM JAM 2.00 PETANG

Penjualan dokumen tawaran
dan e-Dokumen ditutup pada :
ISNIN, 27 JANUARI 2020
SEBELUM JAM 3.00 PETANG.

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH TEMBURONG**

**PERINTAH ACARA MAL
MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH, 2005**

**SAMAN GANTIAN DALAM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DI DAERAH TEMBURONG
DALAM NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**


SAMAN NO. :
TM / MRS / MAL-A / P012A /
020 / 12-2019

ANTARA
HAJI MOHAMED BIN HAJI HITAM
- Plaintiff (Pemohon)

DAN

DEWI ANGGREINI BINTI ALI HASAN
- Defenden (Responden)

KEPADA :
**DEWI ANGGREINI BINTI
ALI HASAN**
NO. KAD PENGENALAN :
1102054202840003 (INDONESIA)
BERALAMAT :
TANAH MERAH ACEH TENGGARA,
INDONESIA


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

No. Projek : 2019ADKB/
B00411/002-003-02

**YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**



**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : III & IV SAHAJA
KATEGORI :
M03 SAHAJA - (KOD BAHARU)**

**Tarikh akhir mengambil
dokumen tawaran :**
Selasa, 28 Januari 2020

Tarikh Tutup :
Selasa, 11 Februari 2020
tidak lewat jam 2.00 Petang

BILANGAN :
JKR / DBSKB 012 / 2019

Nama Projek :
OPERASI DAN PENYELENGGARAAN
STESEN PAM SALIRAN SKIM
PENCEGAHAN BANJIR DI PANAGA,
SERIA SELAMA 3 TAHUN.


**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

BILANGAN TAWARAN :
01 / 2020 / KKBS / PPB / 01

TAJUK TAWARAN :
KONTRAK PENGGAL DUA PULUH
EMPAT (24) BULAN BAGI
KERJA-KERJA PEMBERSIHAN
BANGUNAN DAN KAWASAN,
PEMELIHARAAN LANDSKAP
DAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN
POKOK DI PUSAT PEMBANGUNAN
BELIA, KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN,
JALAN UTAMA TANAH JAMBU,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :**
ISNIN, 27 JANUARI 2020
JAM 12.00 TENGAH HARI

TARIKH TUTUP :

**TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG
SELASA, 28 JANUARI 2020**


UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

SYARAT-SYARAT LAIN :

i. Mempunyai perwatakan yang baik dan dapat memberikan komitmen yang tinggi terhadap tugas dan tanggungjawab serta dapat menjalankan tugas-tugas dengan penyeliaan yang minima.

ii. Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat dan yang disenaraikan pendek sahaja akan dipanggil untuk menjalani sesi temu duga.

iii. Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Tatacara Permohonan :

Borang permohonan - Form P1 (Borang P1) bolehlah didapati dan diisi melalui online di laman sesawang : <http://www.unissa.edu.bn/jobapplication/form-p1/>. Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui online, pemohon akan diberikan Application Reference No. (ARN) dan pemohon dikehendaki untuk menghantar e-mel ARN tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6732462000 sambungan 184 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Peringatan : Hanya pemohon-pemohon yang disenaraikan pendek sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.

Tarikh Buka Permohonan :

Isnin, 13 Januari 2020

Tarikh Tutup Permohonan :

Isnin, 27 Januari 2020

Rujukan Iklan :

UNISSA / IJK / PGH / 001 / 2020

Bertarikh : 27 Rabiulakhir 1441H /
24 Disember 2019M.

(METERAI)
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Temburong
Negara Brunei Darussalam.

Promosi tempat menarik negara

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Selasa, 14 Januari. - Forum Pelancongan ASEAN (ASEAN Tourism Festival - ATF) merupakan usaha serantau untuk mempromosikan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) sebagai satu destinasi pelancongan.

Sehubungan itu, diadakan dua acara berasingan ASEAN National Tourism Organisation (NTO) Media Briefing, di Bilik Sindiket 2, Pusat Persidangan BRIDEX, di sini.



Terdahulu, Taklimat Media mengenai Pelancongan Brunei mengambil tempat, disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Salina binti Salleh.

Beliau, antara lain menjelaskan pada tahun 2019, bilangan ketibaan pelancong melalui udara ke Negara Brunei Darussalam meningkat pada 16.0 peratus (tahun ke tahun), di mana antara faktor yang menyumbang adalah

impak yang tinggi daripada permintaan perjalanan dari Pasaran Timur Jauh seperti China, Hong Kong, Jepun, dan Korea Selatan.

Selain itu, turut dikongsi sama statistik ketibaan pelancong melalui udara dari sepuluh negara teratas pada tahun 2019, terdiri dari negara Malaysia (+30.8 peratus); China (+8.2 peratus); Indonesia (+10.8 peratus); Filipina (+10.4%); South Korea (+96.4 peratus); United Kingdom (+15.7 peratus); Singapura (-1.6 peratus); Jepun (+74.3 peratus); India (+9.4 peratus); dan Australia (+9.6 peratus).

Di samping itu, beliau juga turut mengongsikan taklimat kemas kini mengenai Pelancongan Brunei kepada seramai 36 media antarabangsa mengenai Peningkatan Kesalinghubungan; fokus pasaran yang melibatkan Ekopelancongan, Berasaskan Masyarakat, Islam, Pendidikan, serta Sukan dan Pengembaraan; Pengembangan Media Sosial; Brunei - China Year of Tourism 2020; dan Pembangunan Utama di negara ini.

Di sepanjang acara ini berlangsung, para media antarabangsa turut dibawa melawat ke beberapa tempat menarik di negara ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai

ANTARA yang hadir mendengarkan taklimat pada acara tersebut.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Salina binti Salleh dan Penasihat dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Pelancongan dan Kerjasama Antarabangsa, Kemboja, Tuan Yang Terutama Hoy Phireak ketika menyampaikan taklimat pada ASEAN National Tourism Organisation (NTO) Media Briefing.

perkembangan pelancongan di negara ini, antaranya dengan mengadakan Lawatan Tinjauan ke Kampong Ayer; Temburong National Park Day Trip; Back to Nature - Day Trip to Tutong; dan Labi Nature Tour - Day Trip to Labi.

Seterusnya, Penasihat dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Pelancongan dan Kerjasama Antarabangsa, Tuan Yang Terutama Hoy Phireak turut menyampaikan taklimat kemas kini mengenai Pelancongan

di Kemboja - Potensi dan Perkembangan Semasa & Pemasaran.

Beliau, antara lain mengetengahkan mengenai perancangan bagi Pelan Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh yang baharu; Pembangunan dan Pusat Membeli-belah Phnom Penh; Statistik Pelancongan; Aktiviti promosi digital dan bahan promosi; Strategi pemasaran pelancongan; Sektor Gastronomy di Kemboja; dan ATF 2021 di Phnom Penh.

Tip KESIHATAN

SAKIT BELAKANG

MERUPAKAN MASALAH YANG KERAP DIALAMI OLEH RAMAI ORANG. TERDAPAT BANYAK PENYEBAB SAKIT BELAKANG. ANTARANYA:



- POSTUR ATAU KEDUDUKAN BADAN YANG TIDAK BETUL
- OTOT YANG TIDAK KUAT DAN MUDAH MENDAPAT TEKANAN APABILA MELAKUKAN PERGERAKAN SECARA BERLEBIHAN.
- TERDAPAT MASALAH PADA TULANG BELAKANG SEPERTI RAPUH ATAU 'OSTEOPOROSIS'.
- BAGI WANITA, KADANGKALA DISEBABKAN OLEH DATANG HAID
- BERAT BADAN YANG BERLEBIHAN
- MENGANGKAT BARANG YANG TERLALU BERAT.



LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MENGHINDARI SAKIT BELAKANG, AWDA DINASIHATKAN SUPAYA

- Memastikan postur atau kedudukan badan yang betul
- Elakkan dari berdiri terlalu lama. Apabila berdiri, pastikan belakang awda lurus.
- Duduk dengan bahagian belakang yang lurus. Jika perlu, letakkan bantal kecil di bahagian belakang jika awda tidak mempunyai tempat sandaran yang elok.

KURANGKAN RASA SAKIT PADA BAHAGIAN BELAKANG DENGAN :

- Berehat, ini adalah untuk memberikan peluang kepada otot yang tercedera untuk sembuh.
- Letakkan tuala yang sederhana panas pada bahagian yang sakit selama 15 ke 30 minit.
- Makan ubat seperti Paracetamol untuk mengurangkan rasa sakit.

MENGELAKKAN DARI MELAKUKAN PERGERAKAN YANG MENYEBABKAN SAKIT PADA BAHAGIAN BELAKANG :

- Jika awda perlu berdiri atau duduk untuk masa yang agak lama, tukar posisi awda sekali sekala.
- Angkat barang dengan cara yang betul. Jangan membongkok apabila hendak mengambil barang dari atas lantai. Sebaik-baiknya, duduk mencangkung dan pastikan belakang awda berkeadaan betul.

MELIBATKAN DIRI DENGAN BERSENAM

- Senaman boleh menguatkan otot bahagian belakang , awda boleh berenang, berbasikal atau berjalan kaki.
- Senaman yang menguatkan otot perut seperti sit ups atau crunches juga boleh membantu menguatkan bahagian belakang awda.
- Selalu lakukan senaman yang ringan yang tidak terlalu menegangkan otot seperti berjalan kaki, berenang dan sebagainya.

BILAKAH AWDA PERLU BERJUMPA DOKTOR ? AWDA PERLU SEGERA BERJUMPA DOKTOR SEKIRANYA

- Sakit belakang yang disebabkan oleh terjatuh atau akibat pukulan pada bahagian belakang awda.
- Sakit belakang yang diikuti dengan lemah otot kaki dan hilang kawalan buang air kecil atau air besar.
- Sakit belakang yang berpanjangan untuk masa yang lama.
- Sakit belakang yang diikuti dengan tanda-tanda lain seperti air kencing berdarah.

IHP November 2019 menurun sebanyak 0.1 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan November 2019 menurun sebanyak 0.1 peratus tahun ke tahun, berbanding dengan bulan November 2018.

Harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan penurunan sebanyak 0.6 peratus. Manakala, Harga Bukan Makanan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.04 peratus.

Penurunan IHP yang utama adalah disebabkan oleh penurunan harga dan kos Pengangkutan (4.0 peratus); Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (1.6 peratus); dan Makanan dan Minuman Ringan (0.6 peratus).

Walau bagaimanapun, ia diimbangi oleh peningkatan dalam harga dan kos Restoran dan Hotel (5.1 peratus); Perabot, Peralatan Rumah dan Penyelenggaraan Rumah Rutin (2.4 peratus);

dan Rekreasi dan Kebudayaan (1.9 peratus).

Harga Pengangkutan menurun berikutnya penurunan harga kereta dan tiket penerbangan. Manakala, penurunan harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain mengambil kira penurunan harga sewa kediaman dan bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan kediaman.

Penurunan dalam Makanan dan Minuman Ringan pula disebabkan oleh harga yang menurun bagi biskut, ikan, dan buah-buahan segar.

Bagi perubahan bulan ke bulan, IHP bagi bulan November 2019 meningkat sebanyak 0.1 peratus berbanding dengan bulan Oktober 2019. Indeks Makanan dan Minuman Ringan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.05 peratus, sementara bagi Indeks Bukan Makanan meningkat sebanyak 0.1 peratus.


IHP mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan November 2019, boleh didapati melalui Laman Sesawang JPES, www.depdp.gov.bn.

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) NOVEMBER 2019



INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) NOVEMBER 2019



منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلو لأن قرعة دعوه اسلاميه

SELAIN mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi larangan-Nya, antara cara bagi kita umat Islam mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala adalah dengan memperbanyakkan amalan bersedekah. Betapa banyak nikmat yang telah Allah anugerahkan kepada manusia sama ada berbentuk nikmat kesihatan, umur, rezeki, harta kekayaan, keselamatan, keamanan dan lain-lain.

Islam sangat menganjurkan amalan bersedekah dan ia adalah satu amalan yang sangat terpuji. Bersedekah boleh mewujudkan keberkatan dalam harta yang dimiliki, mengeratkan silaturahim, mananamkan rasa keinsafan, belas kasihan dan rasa tanggungjawab sesama manusia. Malah bersedekah memiliki fadilat yang sangat banyak, antaranya ialah :

1. Menghapuskan Dosa

Bersedekah dapat menghapuskan segala dosa dan kesalahan terdahulu. Namun, hendaklah segala dosa terdahulu itu dikesali dan diinsafi. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Muadz bin Jabal Radiallahuanhu berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sedekah itu dapat menghapus dosa sebagaimana air itu memadamkan api".

2. Dilipatgandakan pahala

Bersedekah hatta dengan jumlah yang sedikit memiliki ganjaran yang berlipat kali ganda. Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan berita yang gembira serta ganjaran yang besar kepada sesiapa yang

Sedekah amalan terpuji

suka membelanjakan harta di jalan Allah seperti mana dalam firmanya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 - 262 tafsirnya : "Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui. Orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan ungkitan dan tiada pula menyakiti (perasaan penerima), mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidaklah ada ketakutan atas mereka dan mereka pula tidak akan berduakacita".

3. Menambah rezeki dan kekayaan

Tidak akan berkurang rezeki dengan memberi sedekah. Malah ianya akan lebih meluaskan dan membuka pintu rezeki kepada kita seperti mana dalam hadis yang diriwayat oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sedekah itu tidak akan mengurangi harta. Tidak ada orang yang memberi maaf kepada orang lain, melainkan Allah akan menambah kemuliaannya. Dan tidak ada orang yang merendahkan diri kerana Allah, melainkan Allah akan mengangkat darjatnya". Manakala, dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Abu Kabsyah al-Anmari bahawa dia mendengar

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tidaklah harta seorang berkurang kerana sedekah, tidaklah seseorang diperlakukan secara zalim lalu dia bersabar melainkan Allah akan menambahkan kemuliaan untuknya".

4. Mengubati Penyakit

Dengan bersedekah dengan seikhlas hati dapat menyembuhkan penyakit-penyakit orang yang suka bersedekah kerana sedekah itu dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dapat membersihkan hati dan fikiran. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi daripada al-Aswad bin Yazid daripada 'Abdullah dia berkata : telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Ubatilah orang yang sakit di antara kamu dengan bersedekah.."

5. Menghindarkan dari segala bala dan bahaya

Sedekah juga sebagai penolak bala, musibah serta kejahatan terhadap pemberi sedekah seperti mana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam ath-Thabarani daripada 'Ali bin Abu Thalib dia berkata : telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Bersegeralah bersedekah, sesungguhnya bala (atau musibah) tidak dapat melangkahinya (mendahului sedekah)".

6. Amalan yang tidak putus sampai mati

Amalan sedekah adalah amalan yang pahalanya berpanjang sehingga meninggal dunia. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya semua amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang salah yang mendoakan baginya."

7. Mendapat naungan pada hari akhirat

Golongan yang suka bersedekah akan mendapat naungan Allah Subhanahu Wata'ala pada hari akhirat kelak. Namun haruslah mereka ikhlas dan tidak menghebahkan pemberiannya, mengungkit-ungkit, riak ataupun menunjuk-nunjuk. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menceritakan tentang tujuh jenis manusia yang mendapat naungan Allah pada hari Akhirat. Salah satu jenis manusia yang mendapatkannya adalah seperti mana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Seorang yang bersedekah dengan tangan kanannya, maka ia menyembunyikan amalnya itu sampai tangan kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan oleh tangan kanannya".

Oleh itu perlu diingat, harta yang kita miliki sama ada banyak atau sedikit bukanlah milik kita sepenuhnya kerana ada hak orang lain di dalamnya. Justeru, gunakanlah ia ke jalan yang direndah Allah Subhanahu Wata'ala seperti bersedekah, berwakaf, menyumbang ke tabung-tabung masjid dan seumpamanya. Semoga dengan amalan bantu membantu dan bersedekah, kehidupan kita akan mendapat berkat, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.



Ibu bapa berperanan dalam menyemai amalan menabung

SECARA literalnya, menabung dapat ditakrifkan sebagai amalan menyimpan wang di bank, di dalam tabung dan yang seumpamanya. Dalam usaha menjayakan amalan menabung, ibu bapa memainkan peranan yang paling penting untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan anak-anak.

Memandangkan anak-anak akan mencontohi apa-apa jua tindakan dan gelagat ibu bapa, ibu bapa harus mengamalkan tabiat menabung. Apa Pendapat Biskita kali ini cuba mendapatkan beberapa pendapat orang ramai tentang amalan menabung yang harus diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak.

"Bagi saya, ibu bapa harus menyimpan wang yang berlebihan di dalam tabung. Ibu bapa juga harus membuka akaun bank untuk menyimpan wang. Kontranya, sekiranya ibu bapa membazir wang mereka, anak-anak tidak mungkin akan menabung. Pihak bank juga menyediakan pelbagai insentif yang menarik, seperti kadar faedah yang tinggi kepada sesiapa sahaja yang membuka akaun bank untuk menambat hati masyarakat. Lantas ibu bapa harus memanfaatkan peluang ini untuk membuka akaun bank bagi anak-anak mereka. Amalan menyimpan wang di dalam bank dapat dicerminkan dengan peribahasa, 'menyediakan payung sebelum hujan'. Hal ini berlaku demikian kerana wang yang akan disimpan di dalam bank dapat digunakan semasa kecemasan. Dengan membuka akaun bank, anak-anak berpeluang didedahkan dengan kepentingan amalan menabung. Anak-anak juga akan mengambil iktibar bahawa menabung merupakan amalan kudus yang harus disemai. Ibu bapa juga harus mengambil inisiatif tanpa mengenal penat dan lelah untuk membawa anak-anak ke bank dua bulan sekali. Usaha untuk menyimpan wang di bank harus dilakukan secara istiqamah dan konsisten, bukan sekadar hangat-hangat tahi ayam sahaja. Ibu bapa harus mengorak langkah yang proaktif untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan anak".

- Mohammad Marzuki KMS, Mentiri.

"Semasa meraikan hari ulang tahun kelahiran anak-anak, ibu bapa gemar menghadiahkan hadiah yang mahal-mahal kepada anak-anak sebagai tanda kasih sayang terhadap anak-anak. Bagi saya sebagai seorang ibu, langkah yang paling afdal ialah ibu bapa sewajarnya menghadiahkan tabung kepada anak-anak sempena ulang tahun kelahiran anak-anak. Hal ini bukan sahaja dapat menyerlah kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak, tetapi juga dapat menanam amalan menabung dalam hati nurani anak-anak. Ibu bapa digalakkan menghadiah anak-anak tabung yang cantik dan bercorak menarik agar anak-anak akan menggunakan untuk menabung. Anak-anak juga akan menyedari kepentingan amalan menabung dalam kehidupan seharian. Deduksinya, memang tidak ada sesiapa yang berupaya menyangkal bahawa tindakan ibu bapa memberikan tabung sebagai hadiah adalah sangat wajar untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan anak". - Siti Zaleha Haji Awang Damit, Kiarong.

"Bagi pendapat saya, ibu bapa harus memberikan penerangan kepada anak-anak untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan anak. Alternatif ini dapat diibaratkan sebagai perisai yang ampuh kerana dengan adanya penerangan, anak-anak akan dapat meluaskan horizon mereka tentang kepentingan amalan menabung. Sebagai contoh, amalan menabung dapat menggarap nilai berjimat-cermat dan mengikis sikap boros anak-anak. Anak-anak juga berupaya menguruskan kewangan dengan lebih efektif untuk mengelakkan pembaziran. Pada masa yang sama, ibu bapa harus memberitahu anak-anak tentang kesan-kesan negatif sekiranya amalan menabung tidak dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Antaranya, anak-anak akan dikuasai keborosan. Penerangan harus diberikan secara berhemah dan lemah lembut supaya lebih mudah diterima oleh anak-anak. Ibu bapa juga wajar menjadikan cerita, teka-teki dan tayangan video sebagai saluran untuk menyampaikan informasi tersebut kepada anak-anak. Hal ini demikian kerana media-media tersebut amat mujarab untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan anak. Ibu bapa harus menggembungkan tenaga dan mendukung obligasi untuk membentuk generasi masa hadapan yang menyemai amalan menabung dalam sanubari". - Hajah Fadzillah HR, Gadong.

Pada era globalisasi dan modenisasi ini, pada pendapat saya sebagai penulis ruangan Apa Pendapat Biskita ini, kebaikan amalan menabung dalam kalangan masyarakat tidak dapat disangkal lagi. Hal ini kerana kehidupan rakyat kita dilihat kian terbeban dengan kos hidup yang meningkat. Masyarakat dilihat kurang memberi respons yang baik atau tidak berminat terhadap amalan menabung walaupun kaedah menabung masa kini adalah selamat dan terjamin berbanding masa lalu. Untuk mencapai kehidupan yang selesa, kita mesti bersedia secara fizikal dan mental tanpa mengabaikan aspek kewangan terutamanya. Amalan menabung merupakan nadi pembangunan dan kesentosaan negara. Justeru, bersama-sama kita memanifestasikan iltizam negara untuk menjadi negara yang maju yang dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara moden di seantero dunia. Hal ini kerana salah satu elemen ke arah kemajuan negara ialah amalan menabung. Biarlah kita mula menabung atau menyimpan walaupun dengan jumlah yang sedikit pada awalnya kerana 'Sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit'. Dapatlah dilihat bahawa amalan menabung sudah pasti memberi impak positif kepada kita pada masa depan.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Kepentingan Menyambut Hari Kemerdekaan
- ii. Martabatkan Makanan Tradisional



mangambil-ngambil bermaksud berhutang barang keperluan harian dan membayar secara beransur. Contoh pemakaian kata : di kada Si Maidin atutah tampatnya mangambil-ngambil naindah.

ambus-ambus bermaksud

1 tidak henti-henti bertiup tentang angin.

Contoh pemakaian kata : panas ari ani, nyaman jua rasanya angin **ambus-ambus** dari tabuk atu.

2 keluar berkepul-kepul tentang asap.

Contoh pemakaian kata : tu nini duduk di pantaran, **ambus-ambus** asap sigupnya.

3 sekejap ada sekejap hilang tentang bau yang dibawa angin.

Contoh pemakaian kata : dari mana datangnya bau bangkai ani, **ambus-ambus**, galak baunya ih.

ampai-ampai bermaksud

1 terletak di sesuatu tempat dan mudah dilihat.

Contoh pemakaian kata : dari antadi kubaunjar buku ah, rupanya **ampai-ampai** di mijia ani.

2 terbaring atau terlantar.

Contoh pemakaian kata : batah sudah ia sakit atu, **ampai-ampai** nganya ia di rumah inda lagi bajalan.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG MENIUP



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUMIS PETAI IKAN PUSU DENGAN LADA PADI

BAHAN-BAHANNYA :

- 200g petai (dipotong)
- 100g ikan pusu kering (dibelah)
- 4 ulas bawang merah (dihiris halus)
- 3 ulas bawang putih (dihiris halus)
- Segenggam lada padi hijau

(dibelah dua)

Minyak

Garam dan serbuk perasa secukupnya

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Panaskan minyak dan goreng atau tumiskan ikan pusu kering

hingga garing. Setelah itu, masukkan bawang merah dan bawang putih yang dihiris halus dan tumis hingga naik bau. Kemudian masukkan lada padi dan petai. Lalu digaul dan biarkan hingga petai tersebut layu atau ikut kesukaan awda. Akhir sekali, masukkan garam dan serbuk perasa secukupnya.



KETUA Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris menyampaikan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Penghayatan dan pemahaman dalam kalangan generasi muda terhadap lagu kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam perlu diterapkan pada diri mereka agar semangat patriotik tidak akan pernah luntur.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi sesi Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam,

Memperkasa nilai semangat patriotism

Serasa, di sini.

Seramai 96 pelajar dari Tahun 7 menghadiri taklimat tersebut yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Awang Mohammad Hisyam menjelaskan bahawa bendera merupakan lambang negara dan sejarah bermulanya bendera rasmi Negara Brunei Darussalam adalah pada tahun 1959. Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai bendera rasmi peribadi dan orang-orang yang dikurniakan gelaran serta bendera Jabatan Kerajaan yang berpakaian seragam.

Taklimat Kenegaraan itu turut diisikan dengan peranan bendera kepada negara, iaitu bagi menyemarakkan hari-hari kebesaran negara; menanamkan semangat patriotisme dan nasionalisme, mendukung falsafah Melayu Islam Beraja; mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat dan penduduk serta menyemai cinta kepada bangsa, agama, raja dan negara.

"Waktu-waktu menaikkan bendera pula adalah pada hari-hari tertentu seperti Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan atau hari-hari istiadat yang besar yang mana dimulai dengan pengibaran bendera besar dan orang ramai hanya mengibarkan bendera pada hari-hari tertentu yang lazimnya diumumkan melalui Radio dan Televisyen Brunei dan akbar-akbar seperti Pelita Brunei," ujarnya.

Beliau juga menyentuh mengenai makna lambang panji-panji yang terdapat pada bendera Negara Brunei Darussalam yang mengandungi Bendera dan Payung Ubir-ubur, Sayap, Tangan atau Kimhap dan Bulan di mana dalam simbol bulan tersebut terdapat perkataan Bahasa Arab yang bermaksud 'Sentiasa membuat kebajikan dengan Petunjuk Allah'.

Taklimat tersebut diteruskan lagi dengan tayangan Video Klip 'Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara' dan diakhiri dengan sesi kuiz kenegaraan yang ditujukan kepada para pelajar sekolah berkenaan.

Turut hadir pada sesi taklimat ini

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

ialah Pengetua sekolah berkenaan, Awang Omar Arif bin Abdullah Lasit serta tenaga-tenaga pengajar sekolah tersebut.

Program taklimat ini merupakan salah satu usaha yang berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara di samping mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar dengan menanai semangat cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Program ini sangat penting kerana ia dapat meningkatkan lagi

semangat patriotik serta pelajar-pelajar akan dapat memahami dengan lebih dalam lagi erti bendera negara dan cara-cara pemasangan bendera dengan teknik yang betul, jelas Dayangku Siti Roziana binti Pengiran Sofian, pelajar Tahun 7 ketika ditemui Pelita Brunei.

Justeru dengan adanya program taklimat seumpama ini tambanya, pelajar-pelajar akan dapat memahami akan kepentingan bendera negara, hormat kepada bendera negara dan tidak mensia-sikan bendera negara.



SERAMAI 96 pelajar dari Tahun 7 Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa menghadiri Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam itu.

MINDA PEMBACA

Keusahawanan Pemacu Brunei Maju

PENTINGNYA keusahawanan untuk perubahan dan perkembangan ekonomi dalam meningkatkan kadar per kapita pengeluaran dan pendapatan. Keusahawanan juga melibatkan perubahan kepada struktur perniagaan dan masyarakat. Secara spesifiknya, kepentingan keusahawanan adalah seperti berikut.

Sumber ekonomi negara dapat dibantu oleh para usahawan kerana mereka yang akan menggerakkan pembangunan ekonomi dalam negara melalui perniagaan yang mereka jalankan. Apabila aktiviti perniagaan dapat distabilkan, ia mampu menarik minat ramai pelabur asing. Hal yang demikian akan meningkatkan pengaliran pendapatan ke dalam negara kita melalui pelaburan asing

dari luar negara.

Usahawan menawarkan peluang pekerjaan kerana setiap perniagaan yang ditubuhkan memerlukan tenaga manusia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan. Keadaan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran. Pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan akan meningkatkan pendapatan penduduk secara keseluruhan. Taraf kehidupan masyarakat akan bertambah baik dan keselesaan masyarakat dapat ditingkatkan.

Kejayaan usahawan menjadi sumber inspirasi usahawan lain bagi menceburi dan memajukan perniagaan masing-masing. Keusahawanan juga boleh dijadikan pekerjaan alternatif kepada

graduan universiti yang sukar mendapatkan pekerjaan dalam sektor swasta mahupun kerajaan. Sifat keusahawanan akan menjadi ikutan para graduan seperti kreatif, berani menanggung risiko dan berorientasikan masa hadapan.

Usahawan boleh menjalankan atau melaksanakan tanggungjawab sosial seperti menghulurkan derma kebajikan, menjalankan aktiviti sosial dan membina prasarana.

Semua aktiviti tersebut dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Selain itu, usahawan juga penting dalam menyokong dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru yang bermatlamatkan penyusunan semula masyarakat dan pembasmian

kemiskinan.

Usahawan juga memainkan peranan penting untuk mengeluarkan dan membekalkan barang-barang dan perkhidmatan bagi memenuhi permintaan masyarakat. Contohnya usahawan mengeluarkan barang-barang seperti bedak, syampu, losyen, pakaian, kediaman dan makanan untuk memenuhi keperluan masyarakat.

Kesimpulannya ialah keusahawanan merupakan bidang yang banyak membuka peluang kepada masyarakat untuk melayakkan diri bersaing, membangunkan kemajuan diri dan negara dalam segenap sudut.

**Nama : Azrin bin Fauzi
No. K/P : 01-073484 (K)**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Amalan Minum Air'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2020
2. 'Bersama Memperkasa Belia Negara'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2020
3. 'Manfaatkan Ledakan Revolusi Industri 4.0'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2020

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Warisan

Kenali budaya dan tradisi masyarakat kita

Meriam



Oleh : Ak. Jefferi Pg. Haji Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP tanggal 15 Julai, penduduk di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan pasti akan mendengar bunyi ledakan besar dilepaskan dari meriam sebanyak 21 das bagi menandakan sambutan Hari Keputeraan raja yang dikasih. Lepasan sebanyak 12 das meriam juga dilepaskan setiap kali tibanya bulan Ramadan bagi menandakan bermulanya umat Islam menuaikan ibadah puasa.

Selain itu, meriam juga dilepaskan semasa istiadat-istiadat diraja seperti Istiadat Perkahwinan Diraja sebanyak 12 das tembakan bagi menandakan bermulanya acara-acara istiadat perkahwinan diraja, 17 das tembakan bagi Istiadat Pernikahan Diraja dan tujuh das tembakan semasa meluaran putera atau puteri.

Pada zaman dahulu, meriam atau bedil yang diperbuat dengan tembaga, memainkan peranan yang sangat penting yang mana ia bukan sahaja melambangkan kekuatan seseorang, malah ia juga untuk pertahanan dan mengeratkan silaturahim serta sebagai simbol keamanan.

Selain itu, ia juga digunakan sebagai alat perhubungan antara satu kampung dengan kampung

yang lain ketika berlaku kematian atau serangan daripada pihak musuh.

Kewujudan bedil diketahui daripada laporan Antonio Pigafetta yang mana menceritakan tentang Sultan Bolkiah yang memiliki 56 meriam tembaga dan enam meriam besi di sekeliling perkarian istana baginda.

Antara bedil-bedil yang

terkenal dengan nama Si Tunggal dan Si Dewa yang mana telah diambil oleh orang-orang Suluk semasa perang saudara Brunei dan kemudian dibawa ke Manila. Satu lagi bedil yang terkenal semasa pemerintahan Sultan Bolkiah ialah Si Gantar Alam yang digunakan semasa serangan di Luzon dan Manila.

Meriam Brunei mempunyai ciri-cirinya tersendiri. Dalam

pembuatan meriam, tukang pembuat tempatan akan memberi perhatian kepada lapan bahagian utama iaitu batang; muncung; kancing lumba-lumba; pistaran; sumbu dan gargas; gamban; gaganok dan sangka.

Di Negara Brunei Darussalam, ukiran dengan pelbagai corak yang menarik boleh didapati antaranya ukiran yang berbentuk air mulih atau bunga air mulih,

pucuk rebung dan pelbagai jenis ukiran lain. Terdapat empat bentuk utama ukiran di atas permukaan bedil iaitu ukiran berunsur tumbuh-tumbuhan, ukiran berunsur binatang, ukiran berunsur geometri dan ukiran dalam unsur-unsur lain.

Meriam atau bedil akan sentiasa menjadi simbol keunikan negara dan salah satu daripada aset sejarah yang masih ada.



Hormati bendera negara

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Januari. - Setiap negara di dunia memiliki bendera rasmi dan lagu kebangsaan

masing-masing yang perlu dihayati, dihormati dan dipelihara termasuklah Negara Brunei Darussalam.

BIA peroleh saham Fajr Capital

Siaran Akbar : Brunei Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Januari. - Agensi Pelaburan Brunei (Brunei Investment Agency - BIA) mencapai persetujuan dengan Fajr Capital Ltd. untuk memperoleh 29.73 peratus sahamnya dalam Bank Islam Brunei Darussalam Bhd. (BIBD).

Sejak menjadi pemegang saham BIBD pada tahun 2010, Fajr Capital menjadi rakan aktif dalam transformasi cemerlang BIBD kepada Bank yang telah memenangi anugerah sama ada di peringkat serantau dan juga global.

"Transaksi ini menandakan lembaran baharu yang penting dalam transformasi berterusan BIBD. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Fajr Capital Ltd atas sokongannya dalam pembangunan BIBD dalam Institusi perkhidmatan kewangan utama Brunei," jelas Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengurus BIBD.

Jelasnya lagi, BIBD tetap komited dalam menyediakan pelanggannya penyelesaian perbankan yang inovatif dan kedudukan yang baik untuk kejayaan berterusan di Negara Brunei Darussalam.

BIBD adalah bank terbesar di Negara Brunei Darussalam dan menerima banyak penghargaan daripada institusi serantau dan antarabangsa termasuk 'Best Managed Bank in Brunei', 'Best Retail Bank in Brunei' (yang dianugerahkan kepada BIBD selama tujuh tahun berturut-turut), dan 'Strongest Bank in Brunei by Balance Sheet' oleh Asian Banker.

BIBD juga diiktiraf sebagai Global Finance's 'Safest Bank in Brunei' dari 2016 hingga 2019 dan memegang kadar kredit A - yang mengagumkan oleh Standard & Poor sejak tahun 2014.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan program Taklimat Kenegaraan yang berlangsung di Dewan Kuliah, Sekolah Menengah YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB), Jalan Kebangsaan.

Taklimat mengenai 'Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris dengan terperinci.

Seramai 84 penuntut Tahun 7 SM YSHHB hadir pada program tersebut berserta tenaga pengajar.

Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil.

Para penuntut didekahkan kepada sejarah awal hidup raja kita, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum menaiki takhta sehingga sekarang.

Taklimat juga mengongsikan sejarah penciptaan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' pada sekitar tahun 1947 oleh Allahyarham Awang Haji Basar bin Sagap selaku pencipta lagu dan Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara (Dr.) Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim selaku penyusun seni kata.

Para penuntut juga diingatkan untuk menyanyikan lagu kebangsaan dengan berdiri tegak dan penghormatan yang selayaknya dari awal hingga



TURUT berangkat pada Taklimat Kenegaraan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil.

akhir, mengikut seni kata dan irama lagu serta dengan penuh tertib dan semangat yang tinggi.

Selain itu, bendera yang koyak dan luntur hendaklah diganti dengan yang baharu, dan tidak boleh digunakan sebagai alat untuk menerima, memegang, membawa atau menyerahkan sesuatu benda dan sebagainya, serta tidak boleh digunakan bagi tujuan iklan dalam apa cara ju.

Oleh itu, kitani perlu berasa bangga kerana memiliki bendera negara dan lagu kebangsaan sendiri, maka kibarkanlah dengan megah bendera negara dan nyanyikanlagu kebangsaan dengan penuh penghayatan dan penghormatan.

Program diakhiri dengan Kuiz Kenegaraan dan penyampaian hadiah kepada pemenang kuiz disampaikan oleh Dayang Hajah Noorhijrah.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris menyampaikan Taklimat mengenai 'Raja Kita, Tatacara Menaik-Kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' kepada penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB).

Jadikan pelajar ejen penyebaran maklumat positif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Januari. - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dihasrat untuk menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan

kali ini mengadakan Program RRP di Sekolah Menengah YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB).

Hadir pada majlis tersebut ialah Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar SM YSHHB, Pengiran Sebah binti Pengiran Haji Momin.

Turut hadir pada majlis berkenaan, tenaga pengajar juga 156 pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 sekolah berkenaan.

Pada majlis itu, Taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam', disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Hisyam bin Idris, diikuti dengan tayangan video klip 'Kibarkan Bendera Negara dengan Megah'.

Acara diserikan dengan persembahan nyanyian solo dari Jabatan Penerangan, Awang Mohammad Nor Amiruddin bin

Haji Brahim serta lawak jenaka dan kuiz kenegaraan oleh Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar dan Awang Haji Mohd. Firdaus bin Haji Salleh.

Program RRP juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama

Berita dan Foto : Aimi Sani

kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif, dalam masa yang sama, ia adalah untuk mendekati

golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terimpin.



GURU Kanan Hal Ehwal Pelajar SM YSHHB, Pengiran Sebah binti Pengiran Haji Momin antara yang hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) itu.



PEGAWAI Penerangan, Awang Hisyam bin Idris menyampaikan Taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' pada Program RRP di Sekolah Menengah YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB).

352 sertai Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya



SESI penghakiman bagi para peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah yang dijalankan pada sudut bilik yang lain.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Januari. - Seramai 352 peserta telah mendaftar untuk mengikuti Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah pada tahun ini dalam lima kategori seperti tahun-tahun sebelumnya (Kategori 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E').

Musabaqah Peringkat Saringan pada tahun ini dijalankan secara tertutup di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian Dan Penyebaran Al-Quran MABIMS Blok 2H Tingkat 8, Kondominium Ong Sum Ping selama lapan hari bermula hari ini.

Kategori 'A' disertai seramai 141 peserta yang terbuka kepada mereka yang berumur 13 tahun ke bawah yang lahir pada 1 Mei 2007 dan selepasnya; tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'A' sebanyak dua kali berturut-turut dan bukan terdiri daripada

penuntut Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran dalam dan luar negeri semasa mendaftar / menghantar borang permohonan.

Peserta hendaklah menghafaz Surah-Surah Pilihan dari Juz 30, iaitu Surah Al-Muthaffifiin, Surah Al-Insyiqaq, Surah Al-Buruj, Surah At-Taariq, Surah Al-A'laa, Surah Al-Ghaasyiyah, Surah Al-Fajr, Surah Al-Balad, Surah Asy-Syams, Surah Al-Lail dan Kompilasi Surah-surah Lazim bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas berserta pemahaman Surah An-Naba', Surah An-Nazi'at, Surah 'Abasa, Surah At-Takwir, Surah Al-Infithar.

Manakala 24 penyertaan diterima bagi Kategori 'B' Terbuka Kepada Murid-Murid Berumur 14 Tahun Ke Atas dan Tidak menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam dalam kategori 10, 20 dan 30 juz empat kali

berturut-turut secara kebelakangan dari tarikh tutup penyertaan, tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'B' sebanyak dua kali berturut-turut (1439H / 2018M dan 1440H / 2019M) serta bukan terdiri daripada penuntut Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran dalam dan luar negeri semasa mendaftar / menghantar borang permohonan.

Para peserta hendaklah menghafaz Surah-Surah Pilihan iaitu Surah Al-Kahfi, Surah Luqman, Surah As-Sajdah, Surah Ar-Rahmaan, Surah Al-Waqi'ah, Surah Al-Mulk, Surah Al-Insaan, Surah Yaasiin, Surah Jiin berserta pemahaman Surah Al-Jumu'ah dan Surah An-Nur.

Sejumlah 131 penyertaan pula bertanding dalam Kategori 'C' yang terbuka kepada semua peringkat umur dan tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam Dalam Kategori 10, 20 dan 30 Juz serta

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'C' sebanyak dua kali berturut-turut.

Para peserta kategori itu dikehendaki menghafaz tiga Juz Al-Quran iaitu dari Juz 1 hingga Juz 3 berserta Pemahaman Surah Asy-Syura, Surah Az-Zukhruf, Surah Ad-Dukhan, Surah Al-Jatsiah.

Sementara bagi Kategori 'D' pula disertai oleh 42 peserta yang terbuka kepada semua peringkat umur, tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam dalam Kategori 30 Juz serta tidak menjadi johan dalam Kategori 'D' sebanyak dua kali berturut-turut.

Mereka akan menghafaz 15 Juz Al-Quran iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 15 berserta Pemahaman Surah Maryam dan Surah Thaha.

Sementara bagi Kategori 'E' dibuka kepada semua peringkat umur; dan tidak pernah menjadi johan tiga tahun berturut-turut dalam Kategori Menghafaz 30 Juz, dan hanya boleh menyertai musabaqah semula, iaitu selepas dua tahun

menjadi johan.

14 peserta kategori itu dikehendaki menghafaz 30 Juz Al-Quran, iaitu dari Juz 1 hingga Juz 30 berserta Pemahaman Surah Asy-Syura, Surah Az-Zukhruf, Surah Ad-Dukhan, Surah Al-Jatsiah.

Seperti lazimnya Musabaqah ini akan diadakan dalam tiga peringkat iaitu pusingan Saringan, Separuh Akhir dan seterusnya Peringkat Akhir Kebangsaan.

Seramai 12 peserta akan dipilih bagi setiap kategori yang mempunyai markah 65 peratus ke atas untuk masuk ke Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Pengajian Dan Penyebaran Al-Quran MABIMS bagi menyemarakkan Hari-hari Kebesaran Islam dan ia merupakan pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan setiap tahun.



SALAH seorang peserta yang mengikuti salah satu daripada lima kategori yang dipertandingkan pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah tersebut.

ALAI PINTAR

SOALAN 018

SOALAN 15 JANUARI 2020, RABU

1. Apakah maksud perambahan Brunei 'lamah liat'?
 a) lembut
 b) lambat pergerakan
 c) lembik

2. Pilih jawapan yang tepat bagi ciri-ciri kelakuan yang baik?
 a) berdisiplin, berbuat bising ketika belajar, tidak jujur
 b) menolong kawan yang susah, bersopan santun, sayang kepada ibu bapa.
 c) mencuri, tidak mendengar cakap, sompong

3. Najis Mughallazah ialah _____.
 a) Najis berat iaitu anjing dan babi serta keturunannya.
 b) Najis ringan iaitu air kencing kanak-kanak lelaki yang berusia kurang dari dua tahun.
 c) Najis pertengahan seperti darah, nanah, muntah dan bangkai. **TARIKH TUTUP : 27 Januari 2020**

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI BND38.00

PEMENANG ALAI PINTAR 017 :

Nama : Mohd. Ariffin bin Hailulizam
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0090497-01. Sekolah : Sekolah Rendah Delima Satu

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi WhatsApp ke talian **+673 8300836** atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 017

1. C) terlewat atau terlepas waktu dari yang ditentukan
2. A) 100.36 kilometer persegi
3. A) periyaram, kusoi, sapit, madu kesirat

Sukan

JCYS menang bergaya

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Januari. - Pasukan Bola Keranjang, JCYS menang bergaya setelah menewaskan Kurapak 87 - 77 bagi Kategori Di Bawah Umur 21 Tahun pada kejohanan Piala Belia Brunei (Brunei Youth Cup - BYC) anjuran Persatuan Bola Keranjang (Brunei Basketball Association - BBA) yang berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang, Batu Bersurat, di sini.

Objektif kejohanan tersebut adalah untuk mempromosikan minat bola keranjang dalam kalangan remaja dan di peringkat akar umbi di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, ia juga berfungsi sebagai platform untuk belia bersaing secara sihat, mempamerkan bakat mereka dan memahami pentingnya kerja secara berpasukan.

Tiga kategori akan dipertandingkan, iaitu Kategori Perempuan Di Bawah Umur 23 Tahun; Kategori Di Bawah Umur 21 Tahun dan 18 Tahun (Gabungan Lelaki); dan Kategori Umur Di Bawah 13 Tahun.

Kejohanan ini terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Brunei yang mempunyai pemegang IC kuning, merah dan hijau.

Kategori bawah umur di bawah 13 tahun akan dijalankan selama sehari, iaitu pada Ahad, 19 Januari ini.

Perlawanan esok akan menyaksikan perlawanan di antara Kurapak dan Wolves, dan Higherbeingbn pula akan menentang PSK.

INFO SUKAN

ENAM pasukan yang diberisi oleh belia-belia berumur 21 tahun ke bawah, terdiri daripada Wolves, JCYS, Higherbeingbn, Setia Warriors, TSK dan Kurapak berentap bagi merebut Piala Belia Persatuan Bola Keranjang Brunei (BBA), bermula 12 hingga 18 Januari 2020 di Gelanggang Bola Keranjang, Batu Bersurat.



ANTARA aksi menarik perlawanan ketika Pasukan Bola Keranjang, JCYS menentang Kurapak bagi Kategori Di Bawah Umur 21 Tahun pada kejohanan Piala Belia Brunei (Brunei Youth Cup - BYC) anjuran Persatuan Bola Keranjang (Brunei Basketball Association - BBA).

Wolves raih kemenangan kedua

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Januari. - Wolves ternyata menyerlah apabila meraih kemenangan kedua mereka selepas menewaskan JCYS dengan jaringan 110 - 68 bagi merebut Piala Belia Persatuan Bola Keranjang Brunei (BBA).

Pertandingan kali pertama pada tahun 2020 anjuran BBA tersebut berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang, Batu Bersurat, Gadong.

Pertemuan antara kedua pasukan dalam perlawanan keempat pertandingan, didahului oleh Wolves yang berjersi kuning, dengan kiraan 28 - 13, 26 - 12, 33 - 22 pada suku pertama, kedua dan ketiga, namun JCYS cuba bangkit untuk memberikan

saiangan hebat pada suku keempat dengan jumlah jaringan 23 - 21, namun masih gagal untuk mengejar mata pihak lawan.

Sementara itu, dalam perlawanan kedua pada malam ini menyaksikan Setia Warriors mencatat kemenangan kedua mereka pada kejohanan ini apabila menewaskan Higherbeingbn 71 - 33.

Pertandingan disertai oleh enam pasukan terdiri daripada pemain-pemain lelaki berusia 21 tahun ke bawah, di mana setiap pasukan dimestikan untuk mendaftarkan tiga pemain berusia di bawah 18 tahun dalam pasukan mereka dan sekurang-kurangnya seorang pemain 18 tahun untuk sentiasa berada di atas gelanggang dalam setiap perlawanan.

Passukan-pasukan akan bermain dalam format liga atau pusing keliling dan pasukan pemenang akan diisytiharkan pada 18 Januari nanti di tempat yang sama.

WOLVES (jersi kuning) meraih kemenangan kedua mereka selepas menewaskan JCYS (jersi hitam) dengan jaringan 110 - 68 bagi merebut Piala Belia BBA.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'ALLAH MELAKNAT PEMBERI, PENERIMA RASUAH'

دتربيتکن اوله جباتن ٿراغن، جباتن ٿردان منtri دان ڏيچيٽن اوله جباتن ٿرچيٽن کراچاً، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam